

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)



MESYUARAT KETIGA

PENGGAL KETIGA

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

SHAH ALAM, 06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 09.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

Dewan dimulakan pada jam 09.30 pagi

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor ke Empat Belas pada 6 November 2020 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA : Bacaan doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat yang seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera. Saya persilakan Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Soalan saya No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : INSENTIF BAJA KEPADA PETANI

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa input - input pertanian hanya tertumpu kepada pesawah dan pekebun sawit khususnya kurang menerima input - input seperti baja?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Sabak bertanyakan soalan berhubung dengan insentif baja kepada petani. Ini berkait rapat dengan soalan kenapa bantuan input pertanian iaitu baja-baja ini hanya tertumpu pada pesawah dan tidak kepada pekebun sawit. Untuk makluman Yang Berhormat, sawit ini termasuk dalam komoditi sebagaimana juga getah, koko, kopi dan juga lada hitam dan lada putih. Ini semua tergolong dalam kategori komoditi yang tidak tertakluk di bawah Jabatan Pertanian. Jadi dengan sebab itu maka di bawah peruntukan Jabatan Pertanian selama ini memang tidak memberi bantuan kepada semua komoditi ini termasuk sawit. Walau bagaimanapun pekebun sawit terutama pekebun-pekebun kecil digalakkan membuat integrasi tanaman

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

ataupun membuat *intercropping* dengan menanam tanaman lain kontan atau pun ternakan lebah kelulut untuk melayakkan mereka menerima bantuan input daripada Jabatan Pertanian. Dan sawit ini dibuat juga komoditi lain, mereka ini mempunyai agensi lain. Biasanya agensi persekutuan sama ada FELDA atau FELCRA membantu mereka dalam urusan terutamanya sawit. Saya ada menerima beberapa permohonan tentang sawit ini dan kita akan teliti memandangkan bahawa keadaan keperluan itu ada, Cuma kita akan melihat peruntukan sebab selama ini bantuan yang kita sediakan adalah untuk membantu pertanian. Jadi kalau dah masuk dalam komoditi ini kita akan melihat kemampuan kita dan juga akan menguruskan perbincangan kita dengan agensi persekutuan lain yang menjaga mereka ini untuk melihat bagaimana peruntukan-peruntukan ini dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan. Tidak adakah cadangan untuk membekalkan baja yang dikeluarkan oleh pihak negeri daripada Thailand kerana ada mengatakan bahawa mutu baja daripada Thailand adalah yang terbaik bila mereka gunakan. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Tentang baja ataupun input yang berkaitan tak kiralah sama ada sawit ataupun kepada pesawah dan juga kepada pertanian lain, kajian yang dibuat mendapati bahawa kesesuaian baja-baja ini tidak perlu diambil kira bukan sahaja jenis tanaman tetapi perlu mengambil kira keadaan tanah itu. Ini yang menjadi masalah kita, kebanyakannya kita dapat contohnya sawah, baja-baja yang diterima ini sebenarnya tidak dibuat secara spesifik khusus kepada kesesuaian tanah itu sebab kajian rawatan tanah ini pun tidak dibuat dengan betul. Kos untuk satu kajian tanah untuk menentukan keadaan tanah itu tinggi dan mahal dalam RM1,000.00 menyebabkan ramai para petani tidak mengambil langkah-langkah ini dan kita dapat dalam kajian terbaru yang dikeluarkan oleh IADA ataupun Barat Laut yang menguruskan sawah contohnya, mendapati bahawa keadaan tanah adalah sangat daif. Kedudukan sama ada CEC dipanggil *Cation Exchange Capacity* kandungan positif ion dan juga keadaan dia punya PH value dia keasidan tanah itu makin tinggi dan semua ini tidak sesuai untuk sebarang baja digunakan. Ini merupakan antara perkara yang kita telah ambil langkah-langkah untuk membantu petani kita untuk membuat kajian tanah ini supaya dapat dirawat dengan baik supaya kesuburan tanah dapat ditingkatkan. Begitu juga dengan sawit, kita tidak boleh meletakkan satu jenis baja kepada semua jenis tanaman. Itu kajian yang perlu dibuat dan kita di bawah anak syarikat kerajaan Negeri Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, kita mempunyai satu loji pengeluar baja yang di sekitar 8 tan sehari baja kompos yang memproses tinjuk ayam dan menggunakan teknologi moden yang mesra alam mikrob EM dan telah pun beroperasi dan kita telah mula mengagihkan kepada warga tani kita di seluruh Selangor. Selepas ini kita ada lagi dalam seminggu dua lagi sebelum ini pun kita telah mula beri dengan harga yang berpatutan ataupun dengan bantuan subsidi Kerajaan Negeri tetapi mempunyai fungsi, mempunyai kesan yang sangat baik bukan sahaja pada pokok tapi kita telah uji kaji dengan pelbagai

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

jenis pokok, durian pun termasuk dan menunjukkan kesuburan yang bagus dan kita akan diperluaskan penggunaan baja ini dia juga mesra alam. Tidak mencemarkan air dan mengandungi mikrob-mikrob yang baik dalam baja ini dalam membantu kesuburan pokok. Ini kita sedang teliti dan buat dan saya yakin ini boleh digunakan oleh sawit dan pihak PKPS telah pun menggunakan untuk ladang sawit mereka dan didapati hasilnya sangat bagus dan saya akan bincang dan lihat kemampuan kita dan kita akan salurkan kepada pekebun-pekebun kecil yang tidak menerima bantuan lain daripada agensi atau jabatan yang lain. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, hari ini saya dengan berbaju Melayu ingin bertanya soalan no. 59.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N14 RAWANG)

TAJUK : PELANCONGAN BASIKAL

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kayuh basikal kini merupakan trend sukan baru bagi anak muda, bagaimana kerajaan membantu memastikan keselamatan mereka semasa mengayuh basikal di jalan raya?
- b) Batu Arang merupakan spot pelancongan basikal, apa tindakan kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur keselamatan di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Yang Berhormat Rawang bertanya soalan berkenaan Pelancongan Basikal. Ini merupakan satu soalan yang baik dan *powerful*/kerana ini boleh di jawab oleh saya sebagai EXCO Kerajaan Tempatan atau Yang Berhormat Kajang sebagai EXCO Pelancongan ataupun Yang Berhormat Paya Jaras sebagai EXCO Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat Rawang, dalam memastikan keselamatan penggunaan basikal PBT di Negeri Selangor telah menyediakan laluan basikal secara berasingan dengan jalan raya agar pengguna basikal tidak berkongsi bersama kenderaan lain. Dan bagi peningkatan infrastruktur keselamatan untuk tujuan pelancongan basikal di Batu Arang, Majlis Perbandaran Selayang telah menyediakan 7 unit papan tanda pemberitahuan laluan berbasikal di sekitar Pekan Batu Arang pada tahun 2019

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

sebagai pemakluman kepada pengguna jalan raya dan orang awam yang melalui kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Untuk pandangan saya memang kawasan itu dah dinaikkan dengan beberapa papan tanda tapi ia tidak mencukupi dan saya berharap kerajaan boleh melakukan sesuatu untuk meningkatkan lagi kawasan tersebut. Salah satu aspek keselamatan adalah dicadangkan untuk melebarkan kawasan jalan tersebut disebabkan jalan tersebut merupakan jalan desa ia amat sempit kalau tambah pula dengan basikal di kawasan tersebut dia akan menjadikan keselamatan yang pelancong basikal ini terancam.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Baik, cadangan daripada Yang Berhormat Rawang diambil maklum dan saya juga memohon Yang Berhormat Rawang boleh memberi cadangan secara lebih komprehensif supaya Majlis Perbandaran Selayang boleh buat kajian dan seterusnya memberi peruntukan yang secukupnya untuk menaiktarafkan laluan basikal di kawasan sana. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan Subang Jaya No. 60.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : GARIS PANDUAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA PELAJAR/AIRBNB

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status penggubalan Garis Panduan Pengubahsuaian Rumah Teres kepada Asrama Pelajar/Airbnb.
- b) Sila nyatakan tarikh pelaksanaan Garis Panduan tersebut.
- c) Sila nyatakan inti pati Garis Panduan tersebut.

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya menjawab soalan 60 daripada Yang Berhormat Subang Jaya bersekali dengan soalan no. 96

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

daripada Yang Berhormat Rawang memandangkan kedua-dua soalan ada kaitan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 13 Oktober 2020, MBSA telah membentangkan cadangan Garis Panduan yang memfokuskan kepada Asrama Pekerja dan Pelajar di Negeri Selangor dan MBPJ telah membentangkan Garis Panduan Bagi Menjalankan Aktiviti Penginapan Komersial di Bangunan Kediaman (*Airbnb*) di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil. 3/2020. Mesyuarat tersebut secara dasarnya tiada halangan dengan pembentangan tersebut namun perlu mengambil kira pandangan yang dibangkitkan sebelum dibentangkan di ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan diguna pakai di Negeri Selangor di jadikan satu polisi negeri Selangor sebelum ia boleh diumumkan ataupun diguna pakai. Dan antara inti pati draf garis panduan asrama pekerja dan asrama pelajar di negeri Selangor adalah isi rumah yang dibenarkan tinggal dalam satu kediaman dan tindakan penguatkuasaan aktiviti di tapak agensi meluluskan dan kaedah kelulusan dan kawalan lain yang berkaitan masa dan tempoh operasi. Bagi Garis Panduan *Airbnb* pula, Kerajaan Negeri bersama-sama PBT masih meneliti kaedah yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang sedia ada bagi mengawal dan mempertimbangkan untuk melesenkan aktiviti *Airbnb*. Saya difahamkan pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sedang menyemak untuk memudah cara aktiviti perniagaan ini. Untuk makluman, saya secara peribadi telah mendengar taklimat melalui *online meeting* dari pihak *Airbnb* yang berpangkalan di Singapura berkenaan cara operasi dan lain-lain isu berbangkit. Saya berpandangan kegiatan *short term rental* ini sama ada dari *Airbnb* atau lain-lain platform telah menjadi satu trend namun adalah penting sebarang keputusan mengambil kira kedudukan persekitaran masyarakat khususnya di Selangor termasuk jenis bangunan yang sesuai yang boleh digunakan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Sentosa. Tidak hadir.
Soalan seterusnya, Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.
Soalan saya no. 62.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

- a) Masalah pembuangan sampah haram dan discharge air sampah merata-rata tempat masih tidak dapat diatasi sehingga sekarang. Bolehkah kerajaan mengemukakan statistik jumlah kes berkaitan yang telah dijatuh hukuman dari tahun 2018 sehingga sekarang?
- b) Adakah kerajaan akan menimbang untuk memberatkan hukuman berkenaan?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, statistik jumlah kes berkaitan pembuangan sampah haram dan *discharge* air sampah merata-rata tempat yang telah dikenakan tindakan adalah sebanyak 1532 kes pada tahun 2018. Dan 1983 kes pada 2019 dan 874 kes sehingga bulan September 2020. Pecahan kes mengikut PBT adalah seperti berikut. Bagi MBSA tahun 2018 sebanyak (44 kes), 2019 (53 kes) dan 2020 (61 kes). Bagi PJ (1 kes) pada tahun 2018, 2019 (2 kes) dan tahun ni tiada. Bagi Subang Jaya, 2018 (88 kes), 2019 (91 kes), 2020 (87 kes). Selayang, 2018 (26 kes), 2019 (31 kes), 2020 (44 kes). Kajang 2018 (110 kes), 2019 (151 kes), 2020 (71 kes). Bagi Klang paling banyak, 2018 (1078 kes), 2019 (1592 kes), 2020 (346 kes). Ampang Jaya, bagi 2018 tiada kes. 2019 (7 kes), 2020 (16 kes). Sepang 2018 (184 kes), 2019 (161 kes), 2020 (186 kes). Bagi Kuala Langat, 2018 (1 kes), 2019 (7 kes), 2020 (19 kes). Bagi Hulu Selangor, 2018 dan 2019 tiada, 2020 (3 kes). Kuala Selangor, bagi 2018 tiada, 2019 (6 kes), 2020 (41 kes). Dan bagi MBSB, Sabak Bernam, tiada, bagi ketiga-tiga tahun. Dan selain tindakan penguatkuasaan, dengan mengeluarkan amaran, kompaun dan notis berdasarkan undang-undang berikut:

- a) Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82, Borang B Akta Kerajaan Tempatan kepada pemilik tanah supaya memastikan tidak berlaku kacau ganggu.
- b) Mengeluarkan Notis Kerja Tanah di bawah Seksyen 70A Akta Jalan Parit dan Bangunan untuk memastikan tiada lagi aktiviti pelupusan sampah haram dilakukan.
- c) Mengeluarkan Notis di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 kepada pemilik tanah supaya memulihkan tanah kepada keadaan asal.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam memperkenalkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019 sebagai panduan kepada pihak Pejabat Tanah atau Pentadbir Tanah dan Pegawai PBT untuk mengambil tindakan ke atas pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram dengan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik agar memulihkan pelanggaran syarat tanah tersebut. Seterusnya, Notis 7B akan dikemukakan bagi mendapatkan pengesahan terhadap pemulihan yang telah dibuat. Sekiranya, selepas tempoh yang diberikan pemulihan tanah tidak dilaksanakan serta pemilik tanah berdaftar masih ingkar dan berdegil, tindakan perampasan tanah oleh Pentadbir Tanah akan dilakukan di bawah Notis 8A Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965. Sekian, terima kasih.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya tadi mendengar statistik yang dibaca oleh Yang Berhormat Kinrara dan sedikit terkejut dengan statistik, hanya kurang daripada 20 kes di kawasan Kuala Langat. Saya kira mungkin kes itu sebenarnya lebih banyak. Barangkali kes itu tidak dapat disabit salah kerana tidak dapat menemui siapakah pesalah ataupun mereka yang membuang sampah sesuka hati. Dan kebanyakannya yang berlaku adalah berlaku di tepi jalan, di tempat yang terpencil, di kebun kelapa sawit dan sebagainya dan bukan di tempat swasta ataupun tanah swasta. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan sekarang ini, dalam mengekang pencemaran air pun kita sudah mula meninjau menggunakan teknologi yang canggih. Adakah mungkin dalam kes, dalam isu pembuangan sampah haram ini, kita menggunakan juga teknologi seperti mungkin CCTV, mungkin dron dan sebagainya untuk memantau tempat-tempat *hotspot* ini supaya penguatkuasa dapat mengenal pasti siapakah pesalah tersebut dan kemudian mereka akan dibawa ke mahkamah dan juga sama ada mungkin kita memperuntukkan satu peruntukan permulaan untuk membekalkan tong sampah kepada semua rumah di kawasan di seluruh Selangor. Saya tahu ini telah dilakukan di Petaling Jaya, ia memberikan sedikit kesan positif, kalau ia dilakukan di Perbandaran dan Majlis Daerah yang lain, saya rasa ia akan memberi kesan yang bagus kepada, mengatasi masalah ini. Jadi, saya ingin meminta pendapat daripada Kerajaan sama ada itu mungkin boleh dilakukan atau tidak. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tindakan penguat kuasa dengan bantuan daripada teknologi seperti CCTV atau dron sebenarnya telah dilaksanakan ya di Negeri Selangor mahupun bagi pemantauan sungai ataupun kawasan pembuangan sampah haram. Yang itu, telah dilaksanakan. Dan saya juga setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Banting, kita harus mengguna teknologi untuk membantu kita menjalankan tindakan penguatkuasaan harian. Yang itu satu cadangan yang cukup baik. Bagi cadangan untuk membekalkan tong sampah kepada setiap rumah, ini juga bergantung pada kewangan, kekuatan kewangan di setiap PBT. Sekiranya PBT itu mempunyai kekuatan kewangan yang mencukupi sebenarnya tiada halangan daripada Kerajaan Negeri untuk membeli tong sampah kepada setiap unit. Tetapi, harus kita ingat juga, sampah, kalau kita nak serahkan segala tanggungjawab sampah ya, untuk mengurus sampah kepada PBT, ia sebenarnya adalah tidak adil ataupun bukan satu konsep yang betul. Kita sepatutnya melakukan satu *education* kepada semua penduduk termasuk peniaga dan pengilang di Negeri Selangor. Bagaimana mereka boleh membantu ya, membantu kita punya alam sekitar untuk mengurangkan sampah atau pun mengendali sampah dengan cara yang betul. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Apa yang saya risaukan pada hari ini ya, walaupun tadi disebutkan jumlahnya tidak lebih daripada 20, tetapi saya melihat peningkatan kes-kes yang telah dikenal pasti di Kuala Langat ni. Pada hari ini, yang cukup merisaukan saya selain daripada sampah-sampah domestik, sampah-sampah yang, pasar-pasar malam ni, saya melihat ada *trend*, saya tak tahu sebenarnya, tapi apa yang saya dapat daripada sampah yang dibuang di tepi-tepi jalan ya, kalau di tanah yang, di tanah kebun dan sebagainya mungkin kita boleh kenal pasti siapa tuan punya tanah tu, tapi yang di tepi jalan ni. Yang saya lihat, ada seolah-olah komponen daripada *E-Waste*. Yang berbentuk, yang telah di *crushed* sampah ni, berbentuk wayar-wayar, ada fabrik nya dan kemudian ada komponen pvc ya. Tempoh hari berlaku di Sijangkang, di kawasan Sijangkang, di tepi jalan, saya beritahu pada PBT, PBT dah bersihkan, kemudian ada dilonggokkan lagi semula selepas tu dan saya ingat saya tak pasti sama ada perkara ini sama juga yang berlaku di kawasan Banting ya, dibakar tempoh hari yang memberikan bau yang saya kira kalau *E-Waste* ni, dia sesuatu yang tidak seharusnya berlaku lah. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Sijangkang. *E-waste* sepatutnya tidak, tidak boleh dibuang di merata tempat, di tepi jalan ataupun di mana-mana tempat. *E-waste* sepatutnya dikendalikan dengan baik, harus dihapuskan di tempat yang betul, tetapi soalnya adalah, di mana datangnya *e-waste*, kenapa ada *e-waste*. Saya juga terima aduan yang sama daripada kawasan Kuala Langat, kenapa ada *e-waste*, pernah ada *e-waste* dibuang di beberapa tempat di Kuala Langat. Jadi, soal tu, di mana datangnya *e-waste*? Dah tentunya, *e-waste* ni kebanyakannya datang dari luar negara. Dan kenapa *e-waste* ini boleh masuk ke Malaysia? Pendirian Kerajaan Negeri Selangor adalah jelas, adalah jelas. Kita tidak menggalakkan pemprosesan *e-waste* di Negeri Selangor. Sekiranya mereka tanpa apa-apa permit yang sah, tanpa apa-apa kelulusan yang sah. Jadi soalnya, kenapa boleh masuk? Jadi, yang ini, saya rasa, semua agensi termasuk agensi di peringkat PBT, di peringkat Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat harus bekerjasama untuk menangani isu ini. Dan, saya juga berharap sangat di agensi seperti Kastam, di agensi seperti di Pelabuhan dan juga di Kementerian dapat membantu untuk menghalang pengimportan *e-waste* ke dalam Negara kita.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinrara soalan, adakah sekarang Kerajaan Persekutuan memberikan kerjasama seperti mana Pakatan Harapan di Putrajaya memberikan kerjasama dalam usaha untuk menangani

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

isu sampah-sampah haram terutama sampah-sampah yang dibawa masuk daripada luar negara yang dibuang ke negara Malaysia. Seperti yang lepas, tahun lepas semasa Pakatan Harapan di Putrajaya, kita nampak penguatkuasaan secara operasi bersepada di antara pihak Kastam, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah, PBT dan bekerjasama untuk menangani masalah ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kalau kita nak bandingkan dengan semasa Pakatan Harapan menjadi Kerajaan di Putrajaya, memang jauh bezanya lah. Dulu semasa Pakatan Harapan berada di Putrajaya, selalunya agensi-agensi di Negeri, termasuk pejabat saya dan saya sendiri selalu dijemput ke Putrajaya untuk mesyuarat bersama Menteri dan juga Jabatan-jabatan Persekutuan untuk menangani isu-isu seperti ini. Dan Yang Berhormat Pelabuhan Kelang juga pernah bersekali dengan Yang Berhormat Menteri untuk turun padang, untuk ambil tindakan penguatkuasaan bersekali, tetapi sekarang saya nampak kerjasama itu harus dipertingkatkan lagi untuk kita bersama-sama menangani masalah seperti macam ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi, EXCO ada menyebut bahawa salah satu PBT yang tertinggi adalah MPK di Klang, kawasan sampah haram, jadi, 1000 lebih untuk dua (2) tahun berturut-turut.

1. Jadi adakah lokasi ini ataupun *hotspot* ini, lokasi yang berulang kali dibuat pemeriksaan ataupun sememangnya ada 1000 lebih lokasi-lokasi sampah haram ini di Klang dan
2. Kemudian tarikh, ataupun tahun yang terakhir tadi 300 lebih jadi maknanya mungkin pihak MPK, adakah MPK melaksanakan kerja dengan bagus sehingga akhirnya hanya tinggal 300 lebih, lokasi ataupun *hotspot* sampah haram ini?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Yang Berhormat Sementa, statistik yang saya berikan tadi bukan statistik *hotspot* ataupun statistik lokasi. Ia bukan bermakna ia mempunyai 1000 lebih lokasi pembuangan sampah haram di kawasan MPK, bukan. Itu adalah statistik Notis, statistik tindakan yang telah dikenakan terhadap aktiviti haram ini. Jadi, dari statistik yang saya beri, yang itu jelas menunjukkan banyak penambahbaikan, banyak *improvement* di kawasan MPK. Sebelum ini, tahun 2018, 1078 kes dan 2019 1592 kes dan tahun ini sehingga September tahun ini, hanya 346. Ini bermakna MPK telah mencadangkan tugas atau tanggungjawab mereka dengan baik dan dengan ini, kita boleh nampak Notis yang diberi telah kurang sangat banyak kalau banding dengan tahun-tahun yang lepas.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya, nombornya 63.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK : PENGURUSAN EMPANGAN KLANG GATE

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dalam konteks pengurusan Empangan Klang Gate: Apakah hubungan antara entiti-entiti berikut: PAAB, SPAN, Air Selangor Sdn Bhd, Puncak Niaga Sdn Bhd, LUAS dan JPS?
- b) Apakah peranan JPBD, Jabatan Perhilitan Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor dan Jabatan Perhutanan Selangor?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang bertanyakan soalan berhubung dengan pengurusan Empangan Klang Gate. Apakah hubungan antara entiti-entiti berikut yang disebut di sini iaitu PAAB, SPAN, Air Selangor, Puncak Niaga, LUAS dan JPS juga disebut peranan JPBD, Jabatan Perhilitan Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor dan Jabatan Perhutanan Selangor, ha, habislah. Lengkap tu. Saya kaitkan dengan pengurusan Empangan Klang Gate ya. Hubungan antara Agensi-agensi serta Jabatan berkaitan untuk yang pertamanya ialah Lembaga Urus Air Selangor ataupun LUAS. LUAS merupakan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor yang berfungsi selaras Enakmen LUAS 1999. LUAS mengawal selia sumber air di Empangan Klang Gate sama ada dari segi kualiti ataupun kuantiti. Ini LUAS ini urusan ia menjaga semua air mentah kita ya, termasuklah di Empangan Klang Gate ini, termasuk juga kawalan terhadap Air Selangor bagi pengurusan dan pengendalian empangan bagi memastikan kecukupan sumber air dan juga keselamatan struktur empangan. Kawasan tadahan air Empangan Klang Gates telah diwartakan sebagai zon perlindungan selaras Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 dimana setiap aktiviti di kawasan tadahan air empangan memerlukan Kebenaran Bertulis Pengarah LUAS.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Yang kedua ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). SPAN merupakan Agensi Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air serta mengawal selia Operator Perkhidmatan Bekalan Air (Pengurusan Air Selangor) mereka lah yang mengeluarkan lesen dan mengawal selia semua operator bekalan air di seluruh Negara, agar mematuhi Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). SPAN yang bertanggungjawab mengawal selia operator yang menghasilkan air terawat dan membekalkannya kepada pengguna supaya mematuhi had piawaian yang ditetapkan.

Puncak Niaga Sdn. Bhd. pada masa suatu ketika dulu, Puncak Niaga sekarang ini tidak *relevant* lah dalam konteks pengurusan Air Selangor jadi saya rasa tak perlu lah sebab sekarang di ambil alih oleh Air Selangor. Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) merupakan agensi Kerajaan Persekutuan yang mengawal selia projek-projek Kerajaan, projek air Kerajaan Persekutuan dengan menyediakan pembiayaan projek-projek berkaitan bekalan air kepada negeri-negeri dan dia bertanggungjawab dari segi menguruskan aspek pembiayaan.

Yang ke-6 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Empangan Klang Gate (KGD) merupakan empangan yang bertindak dwifungsi iaitu sebagai sumber bekalan air dan juga struktur kawalan tebatan banjir untuk kawasan Gombak dan Kuala Lumpur. Oleh itu, JPS berperanan dalam memastikan fungsi empangan sebagai struktur tebatan banjir dapat dilaksanakan dengan penyelaras bersama LUAS dan Air Selangor. Sehubungan itu, JPS berperanan dalam memastikan kapasiti storan bagi paras banjir maksimum Empangan Klang Gates (*Maximum Level For Flood Detention*) adalah 96.65 meter berbanding maksimum paras *level* bekalan air pada keadaan biasa pula (*Normal Storage Level For Full Water Supply*) adalah pada kadar 95.22 meter.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau pun *Plan Malaysia* (JPBD), *Plan Malaysia, Selangor* ini berkait dengan pula kedudukan Empangan Klang Gate terletak di dalam kawasan jajaran Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) iaitu yang sedang dalam proses untuk diiktiraf menjadi sebahagian Tapak Geopark Kebangsaan. JPBD merupakan Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia aktiviti pembangunan melalui Pelan Pengurusan di kawasan Permatang Kuarza ini termasuk kawasan tадahan air Empangan Klang Gate.

Yang ke-8 Jabatan Perhilitan Selangor adalah bagi melindungi dan memulihara Kawasan Perlindungan serta komponen yang terkandung di dalamnya termasuk flora dan fauna daripada mengalami kepupusan. Jabatan Perhilitan telah mewartakan Rezab Hidupan Liar Klang Gate, Selangor seluas 134 hektar. Rezab ini telah ditubuhkan pada tahun 1936 bagi melindungi flora dan fauna yang terdapat di salah satu kawasan batu kapur di Semenanjung Malaysia.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Yang ke-9 Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Peranan JMG adalah mengendali penyiasatan pelbagai bidang geosains seperti pemetaan geologi, sumber air bawah tanah, geologi kejuruteraan, bencana geologi, geologi alam sekitar, geologi marin, geofizik, dan bidang-bidang geosains lain secara sistematis. Berdasarkan fungsi JMG tersebut maka peranannya dalam konteks pengurusan Empangan Klang Gate adalah dari segi kepakaran geologi dan struktur batuan di mana kawasan tersebut adalah terdiri dari batu kapur agak rapuh, granit dan juga terdapat Permatang Kuarza.

Yang terakhir Jabatan Perhutanan Selangor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertanggungjawab kepada pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) selaras dengan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1992 dan Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. Empangan Klang Gate dan kawasan tadahannya berada di dalam rizab hutan. Sebarang aktiviti melibatkan flora dan fauna di dalam kawasan tadahan Empangan Klang Gates perlu mendapat kelulusan daripada Pejabat Hutan Daerah termasuk aktiviti riadah seperti pendakian dan pengembaraan di dalam hutan. Sekian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih, Yang Berhormat EXCO memberi jawapan yang tepat dan baik sekali saya rasa. Saya ada beberapa soalan, 2 soalan, 1 soalan adalah Adakah di empangan Klang Gates ada loji pemprosesan air? Tak ada, jadi tiada peranan Air Selangor atau pun ke-2 apabila ada insiden berlaku di Bukit Tabur insiden orang hilang, jatuh, Jabatan ambil peranan untuk menutup dan mlarang kemasukan siapa-siapa di situ. Kemudian penduduk rasa, ada tak betul jadi dia kata satu projek telah dibuat oleh geosains adalah oleh JPBD jadi dia nak tahu simptom. Jadi, kita tak tahu. Yang ini kata itu, yang ini kata siapa punya kuasa jadi saya redakan. Soalan saya ada juga saya kemukakan dalam Dewan tetapi soalan saya yang dalam bentuk tambahan ini saya nak tanya siapakah yang *calling shot* menarik balik boleh orang pegi situ Jabatan Perhutanan ke atau Jabatan Perancang Bandar dan Desa? Bukit Tabur....

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat saya akan dapat teliti lagi yang Bukit Tabur yang isu ini tapi yang hakikatnya begini walaupun tidak ada loji yang berhampiran tetapi empangan-empangan kita ini dioperasikan yang melibatkan bekalan air memang dioperasikan yang melibatkan bekalan air, memang dioperasikan oleh Air Selangor dari segi kepakarannya dalam mengendalikan operasi. Tapi tanggungjawab mengawal selia empangan ini adalah masih di bawah LUAS. Cuma dari segi mengoperasikan nak buka tutup bukan apa sebagainya, gate sebagainya itu adalah di bawah Air Selangor jadi tak kira lah ada loji dekat atau tidak masih letak di bawah Air Selangor untuk menguruskannya. Yang berhubung dengan sebarang perkara yang berlaku sebagaimana yang berlaku ada banyak jabatan yang berkait kita akan lihat. Kalau kata melibatkan pengurusan hutan maka ia di bawah Jabatan Hutan yang akan mengambil tindakan, kalau melibatkan struktur tanah atau pun batu ini kita akan minta pihak JMG untuk buat kajian sebagainya tetapi aspek ini tertakluk di buat di bawah keputusan kerajaan akhirnya kita kena sama Jabatan Hutan

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

kalau di kawasan tanah yang lain di bawah PTG akan kita akan tengok kesesuaian dan juga kalau terletak di bawah skop PBT maka PBT akan mengambil tindakan-tindakan sedemikian, jadi saya untuk Bukit ini saya akan tengok secara teliti apa punca dan masalah sebenarnya untuk kita dapatkan saya akan berikan nanti laporan Yang Berhormat, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan Hulu Bernam telah dijawab bersekali dengan pada soalan yang ke-48 seterusnya, Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Soalan No. 65

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR (N32 SERI SETIA)

**TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM DI LUAR KAWASAN
OPERASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi dan mengurangkan aktiviti pembuangan sampah haram di dalam seliaan PBT dan bukan seliaan PBT kawasan terbabit?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh PBT bagi mengatasi atau mengurangkan aktiviti pembuangan sampah haram dalam kawasan selia PBT dan bukan seliaan PBT adalah seperti berikut, menjalankan rondaan atau pemantauan berkala dan menjalankan operasi di kawasan *hotspot* dengan pakaian preman bekerjasama dengan masyarakat setempat bagi mendapat maklumat dan tindakan penangkapan kepada pesalah. Ke-3 memulakan *mobile CCTV* dan dron di lokasi-lokasi hotspot pembuangan sampah haram untuk dijadikan bukti kukuh bagi membawa pesalah ke peringkat pendakwaan. Yang ke-4 Menyita kenderaan pengangkutan pengangkut sampah atau lori yang membuat kesalahan dan mengenakan kompaun maksimum dan kos operasi penguatkuasaan sita lori. Yang ke-5 bagi kawasan-kawasan kampung, seperti Kampung Tradisi dan Kampung Baru, Bagan atau Tersusun, Kerajaan Negeri melalui PBT ada menyediakan perkhidmatan kutipan sampah berjadual secara berpusat dengan menyediakan tong *Beach Bin* di lokasi yang strategik bagi memudahkan penduduk kampung membuang sampah di tong sampah tersebut dan Ke-6 bagi tapak pelupusan sampah haram yang berskala

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

besar terutamanya dikawal oleh pengusaha di tanah persendirian, PBT dengan kerjasama PBT akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepudu di bawah peruntukan di bawah undang-undan sedia dan akan mengikut SOP yang diperkenalkan melalui arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor yang membawa kepada perampasan tanah di bawah Akta Kanun Tanah Negeri 1965, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya nak tanya ada kawasan yang mana sampah terbiar ini yang dibuang di kawasan tanah persendirian, dah berulang kali berapa kompaun yang dikenakan kepada pemunya tanah tersebut tetapi dalam masa yang sama saya nak tanya juga adakah yang hukuman yang lebih berat sebab mereka ni boleh bayar berapa 20, 30 Ribu, dia boleh bayar selepas tu tempat itu terbiar semula. Yang ke-2, yang ini isu yang saya bawa di kawasan sungai, tepi-tepi sungai yang ini pun satu masalah yang besar dan dijadikan satu tempat pembuangan sampah haram. Macam semalam Yang Berhormat EXCO Pandan Indah menyatakan dia banyak dia macam apa nama siapa yang mati dulu, masing-masing menjawab yang mana satu tak tahu yang mana betulnya. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat EXCO saya nak tanya sekali lagi, apakah tindakan yang dibuat kepada tanah-tanah persendirian yang sekarang ini mereka mengalami masalah untuk membangunkan tanah tersebut?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ini tanah persendirian. Sebenarnya, merupakan tanggungjawab tuan tanah itu untuk menjaga tanah mereka dengan baik sekiranya mereka gagal menjaga tanah persendirian itu atau tanah yang dippunyai oleh mereka sendiri maka tindakan boleh dikenakan seperti kalau sekadar kompaun itu tidak cukup kuat kita boleh rampas tanah itu dengan mengeluarkan Notis 7A, selepas 7A tamat tempoh, 7B selepas 7B tamat tempoh mereka masih gagal memulihkan tanah tersebut maka Notis 8A boleh dikeluarkan untuk proses merampas tanah. Tadi juga sebut di kawasan Seri Setia di sebelah sungai ada tempat pembuangan sampah haram. Saya percaya lokasi yang disebutkan oleh yang Berhormat Seri Setia itu adalah bersebelahan dengan Sungai Klang, Sungai Klang itu bukan tanah persendirian. Di tepi tebing-tebing itu adalah di bawah JPS. Sebenarnya kenapa saya tahu masalah ini kerana dia sebelah kawasan saya, kalau diri di kawasan Kinrara saya boleh nampak masalah di kawasan Seri Setia. Jadi yang untuk isu ini saya juga dimaklumkan oleh PJ dan juga Subang Jaya bahawa mereka telah bekerjasama dengan JPS memang bukan senang kerana sepanjang Sungai Klang itu adalah sungai yang sangat panjang, di tebing sungai itu memang merupakan satu lokasi *hospot* yang orang suka buang sampah terus ke dalam sungai satu tindakan yang sangat baik dan sangat proaktif yang telah dilaksanakan oleh Subang Jaya adalah untuk menjadikan tebing sungai itu sebagai satu kawasan bukan kawasan *picnic*, kawasan hijau kawasan di mana orang boleh pergi sana boleh buat jogging dan buat senaman yang ini telah buat di kawasan Yang Berhormat Subang Jaya dan

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

dilancarkan oleh Yang Berhormat Pandan Indah itu adalah satu inisiatif yang cukup baik dan saya mencadangkan semua PBT untuk mengadakan projek seperti macam ini di tebing sungai untuk mencantikkan tebing sungai dan untuk menyibukkan buat tebing sungai itu sibuk supaya ada orang jogging atau pun buat aktiviti yang sihat di tebing sungai supaya aktiviti seperti pembuangan sampah haram itu tidak berlaku lagi di kawasan tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Pelek

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, sorry ya. Saya percaya semua pembuangan sampah yang haram itu melibatkan lori. Kalau tak ada lori, susah mahu buang sampah haram ini. Jadi selain daripada Kempen Kesedaran dan Kempen Pendidikan yang dikatakan oleh EXCO tadi, saya rasa undang-undang pun kita lebih keras lagi. Saya cadang kalau boleh semua PBT beri hak atau pun Pegawai Daerah di beri hak untuk menahan lori-lori yang didapati membuang sampah haram tak payah pergi mahkamah dan payah mana-mana kerana satu bulan dua bulan kalau lori disimpan di situ dia akan jadi sangat susah pada pemilik lori dan juga pekerja lori jadi ini cadangan saya bagi untuk EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Sungai Pelek, sebenarnya cadangan ini belum dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Pelek telah dilaksanakan, cadangan belum dicadangkan tetapi PBT-PBT kita telah laksanakan sitaan lori sampah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Balakong

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Timbalan Speaker, soalan saya beri tadi Yang Berhormat EXCO ada kata tentang rampasan tanah. Boleh saya tahu berapa tanah sebenarnya sudah dirampas dari 2018 sehingga sekarang?

Dan satu lagi, satu soalan lagi sebab di Balakong banyak berlaku adalah, siapa yang buang sampah itu sebenarnya kilang-kilang yang beroperasi. Bukan sahaja di dalam kawasan MPKj tapi dekat Majlis lain pun ada. Jadi tindakan kepada kilang-kilang yang membuang sampah di tapak sampah haram atau pun di tepi jalan ini, ada sedikit kita boleh cari, ada sedikit kita tak dapat cari. Jadi tindakan kepada kilang-kilang hanya kompaun dengan sita lori, mungkin seminggu, sebulan tetapi saya rasa tindakan ini terlalu ringan kepada kilang-kilang. Jadi adakah Kerajaan akan menimbang lagi tindakan yang lebih keras kepada pembuang-pembuang sampah haram ini?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Baik, terima kasih Yang Berhormat Balakong. Bagi soalan pertama saya tiada jawapan sekarang kerana statistik itu saya tidak dapat ingat semua statistik. Saya akan beri secara bertulis. Bagi soalan kedua, harus kita faham kenapa ada pembuangan sampah haram dan apakah kandungan yang selalu kita jumpa di setiap tapak pelupusan haram atau pun tapak pembuangan sampah haram. Apakah kandungan sampah tersebut, biasanya yang kita jumpa di kawasan sampah

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

haram adalah yang pertama dari industri, yang kedua *construction*, yang ketiga *institution* atau pun kita panggil ICI tapi ini bukan saya kata ini apa tu, sampah ini dibuang oleh kilang cat ICI bukan, tapi ICI *Industry Construction* dan *Instruction*. Jadi macam mana kita hendak menangani isu ini. Macam mana kita hendak memastikan sampah ini akan dilupuskan di tapak pelupusan yang besar seperti Jeram atau pun Tanjung Dua Belas. Isu sekarang adalah kesedaran itu tidak mencukupi. Ia tiada kesedaran, semalam saya juga terima satu aduan daripada seorang pengadu bahawa dia telah melantik sebuah syarikat yang dikatakan *recycling center* yang boleh buang sampah secara betul. Tetapi tindakan telah diambil terhadap kilang tersebut oleh PBT kenapa, kerana PBT jumpa sampah kilang ini di tepi jalan dan PBT melalui produk tersebut telah dapat mengenalkan kilang mana yang membuang sampah itu. Tetapi adakah itu salah kilang? Atau pun salah kontraktor yang tidak mengikut SOP atau pun tidak membuangkan sampah itu di tapak pelupusan yang betul. Salah siapa, ini adalah kesedaran bagi banyak pengilang-pengilang. Bagi mereka telah melantik sesebuah syarikat, sesebuah syarikat kontraktor untuk membuangkan sampah itu, bagi mereka tanggungjawab mereka telah selesai. Tetapi sebenarnya belum selesai kerana mereka perlu memastikan sampah itu *end up in* tapak pelupusan yang betul.

Jadi bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini, Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses mengkaji untuk mewajibkan satu syarikat sahaja untuk mengutip sampah-sampah seperti industri dan *construction* iaitu KDEB Waste Management. Kita masih dalam proses untuk mengkaji dan juga akan mengadakan proses *engagement* bersama persatuan-persatuan kilang untuk menggariskan satu SOP atau pun satu garis panduan yang dapat membantu kita dan juga membantu pengilang-pengilang untuk menyelesaikan masalah sisa-sisa industri ini, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan terakhir, Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Timbalan Speaker. Yang Berhormat, saya hendak tanya tadi Yang Berhormat nyatakan tanah-tanah persendirian boleh ditarik semula jika mereka ingkar. Saya hendak nyatakan bahawa kawasan saya, soalan saya adakah pihak Kerajaan Negeri ambil tindakan sebagai contoh kawasan saya Sime Darby, tanah terbiar ada tapi mereka tidak uruskan. Yang kedua tanah kerajaan sendiri yang milik Kerajaan, bagaimana pula tindakan itu.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bagi soalan pertama, Sime Darby itu saya tak pasti, saya perlu, nanti kita duduk bersama. Yang Berhormat bagi saya maklumat yang lebih lanjut untuk ini. Bagi soalan kedua, kalau tanah kerajaan, tanah kerajaan yang mana? Tanah kerajaan Negeri atau pun tanah kerajaan yang telah diserahkan kepada Persekutuan. Kalau telah diserahkan kepada Persekutuan, itu adalah merupakan tanggungjawab agensi yang mempunyai hak milik tanah tersebut. Jadi kalau berlakunya pembuangan sampah-sampah secara haram di tapak-tapak tersebut, biasanya PBT akan memaklumkan agensi tersebut untuk membersihkan tapak itu, terima kasih.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik soalan seterusnya. Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Timbalan Speaker, soalan saya No. 66.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH KAWASAN KAMPUNG

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah peruntukan RM6.85 Juta yang telah diperuntukkan Kerajaan Negeri kepada PBT bagi pengurusan sisa pepejal kawasan kampung dibelanjakan?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Timbalan Speaker, saya bangun menjawab soalan lagi. Soalan ini juga berkenaan dengan sisa pepejal. Tuan Speaker, secara dasarnya Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan kewangan kepada PBT bagi menguruskan sampah di kawasan kampung. Namun bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan rakyat di kawasan luar bandar seperti Kampung Tradisi dan Kampung Baru, Bagan atau Tersusun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memberikan bantuan kewangan kepada PBT berstatus Majlis Daerah khususnya mempunyai sumber kewangan yang terhad. Pihak PBT perlu mengemukakan permohonan serta makluman yang diperlukan kepada pihak Kerajaan Negeri. Setelah pihak Kerajaan Negeri memberi kelulusan, pihak PBT akan mengemukakan surat setuju terima atau SST yang diperolehi dan Kerajaan Negeri akan menyediakan bantuan kewangan tersebut kepada PBT berdasarkan nilai kontrak yang diperolehi. Penyaluran bantuan kewangan tersebut akan dilaksanakan secara *direct grant*. Berikut adalah makluman penyaluran bantuan kewangan kepada PBT yang berkaitan bagi tahun 2019 dan tahun ini. Bagi MPKL tahun 2019 sebanyak RM1.25 Juta dan tahun ini RM1.275 Juta. Kuala Selangor tahun 2019 RM878,000.00 bagi tahun ini RM1.61 Juta. Hulu Selangor tahun 2019 RM1.34 Juta dan tahun 2020 RM1.46 Juta. Sabak Bernam tahun 2019 RM1.97 Juta dan tahun ini juga RM1.97 Juta, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya Meru.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya No. 67.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR (N42 MERU)

TAJUK : KELUASAN TANAH KERAJAAN YANG TELAH DICEROBOHI

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kluasan tanah kerajaan yg telah di cerobohi seluruh Selangor secara rasmi?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Meru. Timbalan Speaker untuk jawapan ini saya ingin memaklumkan bahawa jumlah kluasan tanah kerajaan yang telah diceroboh adalah berjumlah 1055.27 ekar. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut Petaling 100 ekar, Klang 212.77, Gombak 80 ekar, Hulu Langat 84, Sepang 72, Kuala Langat 353, Kuala Selangor 100, Hulu Selangor 50 dan Sabak Bernam 3.5 ekar berjumlah 1055.27 ekar.

Kesemua tanah berkenaan telah dikeluarkan Notis 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 oleh Pentadbir Tanah Daerah yang berkaitan untuk proses-proses seterusnya, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok, selain daripada tindakan mengeluarkan notis, apa tindakan yang telah dibuat dan juga mungkin saya ingin mengetahui tentang tanah yang diceroboh ini selain daripada aktiviti pertanian, aktiviti apa yang kita dapat laporan atas pencerobohan tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Majoriti daripada pencerobohan-pencerobohan yang saya sebutkan tadi memang terlibat dengan aktiviti pertanian. Lama-kelamaan dia akan terlibat dengan aktiviti bangunan seperti perumahan dan ada sebahagiannya pula terlibat dengan aktiviti-aktiviti lain seperti peletakan atau pun penempatan sampah-sampah haram dan juga aktiviti-aktiviti untuk meletakkan stor dan sebagainya. Ini aktiviti-aktiviti biasa yang kita dapat kesan dan kenal pasti dan untuk

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

aktiviti perumahan dan sebagainya sememangnya kita akan mengenakan notis-notis untuk mengeluarkan mereka khususnya atau pun meletakkan perumahan atau pun. Sana semenjak selepas dari tahun 2014 dan 2015 kita telah mula memberikan ruangan untuk pemilikan tanah kosong daripada 2008 sampai lah tahun 2014, kita masih lagi menggunakan memutihkan rumah-rumah yang diduduki tanpa kebenaran. Tapi selepas itu kita dah mula membuka untuk pemilikan tanah kosong dengan harga pasaran dan beberapa syarat-syarat tertentu dan sebagainya. Kita ini bukan syarat untuk kita menggalakkan pembinaan rumah tanpa kebenaran tetapi ini adalah salah satu daripada usaha yang dilaksanakan untuk pemutihan yang kita laksanakan sejak tahun 2008, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, dalam satu sidang Dewan yang lepas, Jawatankuasa Pilihan Tanah PADAT telah buat satu syor, satu saranan kepada Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan ERSM untuk mengambil khidmat gambar satelit untuk mengenal pasti semua tanah yang dicerobohi daripada awal dan mungkin selepas dua tiga tahun selepas mereka cerobohi. Ada tak perkembangan kerjasama dengan pihak ERSM atau pun sekarang dikenali dengan nama baru MYSA untuk mendapatkan khidmat satelit ini untuk membantu gerak kerja Pejabat-pejabat Tanah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Setakat ini belum ada makluman langsung. saya harus mendapat maklumat lanjut daripada pihak berkenaan. Namun, pemetaan tanah dan kawasan-kawasan sekitar ini itu biasanya berdasarkan laporan daripada pihak awam dan juga dapatan-dapatan yang kita kenal pasti. Namun begitu dengan penggunaan dron sebagai contoh untuk pemeriksaan sepanjang lebih daripada 1,000 kilometer sungai kita, kita dapat mengenal pasti sebenarnya pencerobohan-pencerobohan sebenar terutama di kawasan pingir-pingir sungai dan kawasan sekitarnya yang secara tidak langsung akan dapat membantu kita untuk menyelesaikan masalah-masalah potensi pencemaran mahupun apa yang disebut pelanggaran-pelanggaran syarat penggunaan tanah, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Terima kasih Timbalan Speaker, soalan saya No. 68.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI (N24 SEMENYIH)

TAJUK : PENCEMARAN AIR SEMENYIH

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan dan jumlah kompaun atau saman ke atas kesalahan melibatkan pencemaran air dan melibatkan LRA Semenyih?
- b) Bila tarikh operasi Langat 2 dapat digunakan dan berapakah jumlah kos sebenar melibatkan projek ini?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Tindakan susulan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor yang melibatkan insiden pencemaran di LRA Semenyih bagi tempoh 2017 sehingga kini adalah seperti berikut. Untuk notis pemberitahuan kesalahan pada tahun 2017 sebanyak 6. Pada tahun 2018 sebanyak 2, Notis Am yang dikeluarkan pada tahun 2017 sebanyak 2, Notis Amaran dikeluarkan 1 pada tahun 2017 dan pendakwaan 1 pada tahun 2017. So, untuk menjawab soalan nombor b, soalan kedua, Loji Rawatan Air Langat 2 berkapasiti 1,130 Juta liter sehari yang dibangunkan oleh Pengurusan Aset Air Berhad iaitu PAB dan telah mula beroperasi pada 21 Disember 2019 dengan kapasiti 5,065 Juta liter sehari iaitu *stream B*.

Air bersih LRA ini dibekalkan ke wilayah Hulu Langat, Petaling dan Kuala Lumpur dengan purata pengeluaran semasa adalah sebanyak 430 Juta sehari. Manakala *stream A* yang juga berkapasiti 565 Juta liter sehari telah selesai pentaulahan iaitu *commercialning* dan dijadualkan akan diserahkan pada Air Selangor pada 30 Oktober 2020. Walau bagaimanapun, oleh sebab jaringan paip air bersih belum siap kapasiti penuh LRA ini tidak dapat digunakan sepenuhnya dan hanya mampu membekalkan 430 Juta liter sehari sahaja kepada pengguna.

Keseluruhan projek pembangunan LRA 2 termasuk projek pembinaan kolam-kolam perkhidmatan dan sistem agihan dijadualkan akan siap pada 31 Disember 2023. Dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM2.38 bilion, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya Kota Anggerik.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Tuan Speaker, Peraturan Tetap 242, saya mohon untuk ambil soalan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENGERAK BELIA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menambah baik proses pemilihan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama PeBT dengan pihak Ali-ali Dewan Negeri di kawasan masing-masing?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik dan Yang Berhormat Bukit Melawati yang telah mengambil soalan berkaitan dengan PeBT, apakah perancangan kita bagi menambah baik proses pemilihan PeBT kita. Dan kekhawatiran Kota Anggerik adalah apakah keberkesanan kerjasama PeBT dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Kita mempunyai 288 Penggerak Belia Tempatan dan mempunyai 12 Penggerak Induk di setiap PBT. Kerajaan Negeri dalam perancangan membuat penstrukturkan semula atau menambah baik dari segi struktur organisasi, pelantikan, tatacara pencalonan dan juga peruntukan kewangan yang ada pada masa ini. Usaha ini dibuat melalui penambahbaikan buku yang kini dipanggil sebagai Garis Panduan kita akan tukar kepada Tatacara Penggerak Belia Tempatan ataupun Perlembagaan Penggerak Belia Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita telah mengadakan Bengkel Memperkasa PeBT Negeri Selangor yang telah diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2020 yang dihadiri hampir kesemua wakil pengurus induk PBT di setiap zon dan juga para pegawai Belia di peringkat PBT yang bertujuan mengenal pasti apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh PBT di peringkat Zon dan di peringkat DUN. Dan mereka mengutarakan cadangan penambahbaikan dan maklum balas yang diterima di antaranya adalah isu kerjasama di antara PeBT dan PBT itu sendiri, isu birokrasi, bagaimana mendapat kelulusan kertas kerja yang dicadangkan, isu bagaimana permohonan peruntukan itu dapat digunakan, dan isu bagaimana ada PeBT kita yang masih tidak aktif dan kurang ciri-ciri kepimpinan. Isu-isu yang dikemukakan ini telah menjadi penanda aras bagi kita membuat penambahbaikan garis panduan yang sedia ada.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, di antara cadangan-cadangan penambahbaikan adalah menambah struktur organisasi PeBT itu sendiri, iaitu mewujudkan pelbagai peringkat pelantikan sebagaimana yang saya sebut baru-baru ini, kita ada Jawatankuasa PeBT di peringkat Zon, lantikan Ahli Majlis, kita ada PeBT atau P.I lantikan daripada ADUN, kita akan wujudkan Jawatankuasa Eksekutif PeBT di peringkat negeri dan kita sedia ada Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda di peringkat Majlis Sukan Negeri Selangor. Jadi di antara perkara semua ini adalah cadangan yang saya dalam perbincangan kita dan *InsyaAllah* kita akan bawa kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor dan MMKN untuk kelulusan seterusnya. Di antara penambahbaikan adalah seperti mana saya sebut PI itu dilantik oleh ADUN, PeBT dilantik oleh Zon, Jawatankuasa Eksekutif adalah terdiri daripada mereka yang dipilih di kalangan mereka untuk duduk di Jawatankuasa Eksekutif di peringkat Negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai jawatan yang kita akan tentukan kemudian.

Yang Berhormat sekalian, di antara cadangan kita juga adalah mewujudkan sepuluh Jawatankuasa EXCO di peringkat Jawatankuasa Eksekutif peringkat Negeri Selangor yang terdiri, yang mewakili 10 Teras Induk yang ada dalam dasar belia kita sekarang ini. Maknanya di peringkat Zon Ahli Majlis ada PBT, mereka ini akan membentuk Jawatankuasa Eksekutif di peringkat Negeri Selangor. Struktur yang sama sebagaimana yang sama struktur EXCO atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, mereka ada 10 orang, mereka ada portfolio masing-masing, berdasarkan 10 teras, mereka akan melantik seorang Pengurus di kalangan mereka dan mereka akan melantik Setiausaha. Dan di antara cadangan yang kita akan wujudkan adalah kita juga akan wujudkan Dewan Kongres Belia Selangor. Sekarang ini Yang Berhormat sekalian, kita ada Program ADUN Muda dan mereka ini terdiri daripada mereka-mereka yang kita tidak tahu daripada mana latar belakang tetapi dalam Program Dewan Kongres, Dewan Kongres Belia Selangor ini setiap DUN yang melantik PeBT itu akan hadir dan kita akan berbincang dengan Sekretariat Dewan, Setiausaha Dewan bagaimana kita nak jadikan platform Dewan Undangan Negeri ini sebagai platform mereka berbahas dalam merangka, menaikkan kepentingan belia itu sendiri.

Kalau di *Federal* sekarang ini ada Majlis Rundingan Belia. Majlis Rundingan Belia ini sebab tu semasa kita bersama Kerajaan Persekutuan, EXCO Belia dan Sukan akan mempengarusikan Majlis Rundingan Belia. Bila kita tidak lagi bersama Kerajaan Persekutuan, maka Majlis Rundingan Belia itu dipengarusikan oleh Pengurus ICU sekarang ini. Jadi kita *totally cut off* daripada Majlis Rundingan Belia Persekutuan. Jadi Kerajaan Selangor akan mewujudkan Dewan Kongres Belia Selangor, PeBT atau P.I itu yang dilantik akan duduk di kerusi Yang Berhormat sekalian, Ketua ataupun Pengurus Eksekutif PeBT akan duduk di kerusi YAB Dato' Menteri Besar, 10 Eksekutif yang dilantik akan duduk di kerusi EXCO yang ada dan mereka akan berbahas dalam kepentingan belia itu sendiri. Ini yang akan kita akan buat untuk penambahbaikan dan melahirkan kepimpinan di masa yang akan datang. Dan sudah tentu kita akan *review* balik peruntukan-peruntukan ataupun bagaimana duit yang kita sedia ada ini diturunkan. Di antara masalah kita sekarang ini adalah penggunaan duit

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

itu dipecah-pecahkan mengikut penggal dan suku-suku. Jadi kalau satu penggal jatuh, satu bulan jatuh, RM200.00, RM300.00 dia tidak berkesan. Satu PBT dapat RM5,000.00 dipecahkan mengikut bulanan dia tidak lagi berkesan. Jadi apa yang kita akan buat berdasarkan pada belanja yang sedia ada, Dato' PWN jangan risau. Belanjawan yang sedia ada, peruntukan yang kita ada akan ubah suai balik, bermakna setiap DUN itu kita bagikan dalam lebih kurang RM20 Ribu perbelanjaan untuk mereka belanjakan ataupun amaun yang kita akan tetapkan kemudian. Bermakna kita akan *restructure* balik penggunaan kewangan kita di peringkat DUN dan juga di peringkat Zon. Itu sahaja Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi berkenaan Dewan Kongres Belia Selangor. Melalui program ini apa yang Kerajaan Negeri harapkan adakah hasil daripada Dewan Kongres ini akan, isu-isu itu akan diangkat ke Dewan Undangan Negeri melalui ADUN-ADUN atau pun apakah yang mungkin Yang Berhormat boleh lanjutkan penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira di antara kepentingan Dewan Kongres ini adalah menarik perhatian Yang Berhormat ataupun EXCO yang memegang portfolio Belia dan Sukan sekarang dan di masa akan datang. Jadi isu-isu yang dibawa itu adalah isu yang berbentuk masyarakat dan setempat yang mana perkara ini sama ada ada dibawa pengetahuan EXCO yang berkenaan ataupun boleh dibawa dalam Yang Berhormat dalam soalan-soalan Dewan yang akan datang dalam bentuk begitu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Usia PeBT dah lebih 10 tahun ya, yang saya kira usia yang agak matang daripada, semenjak dulu saya dan beberapa orang sebagai Pembantu Jawatankuasa Tetap Belia dan kemudian saya menjadi Penggerusi Jawatankuasa Tetap Belia, Menteri Besar pula menjadi Jawatankuasa Tetap Belia. Dan saya mendengar tadi ada satu peningkatan untuk menambahkan lagi Jawatankuasa ini supaya lebih mantap lagi. Daripada segi keseluruhan kalau dapat mungkin dibayangkan, berapa peratus prestasi PeBT ini dengan jumlah yang cukup besar meliputi seluruh negeri Selangor dan adakah jumlah peruntukan itu menjadi asbab dia tidak mencapai peratusan yang membanggakan. Sebab saya tengok kalau tak silap saya dalam bajet ini RM2.8 Juta diperuntukkan. Yang itu saya ingat dari mula dulu begitu juga dan apakah kalau itu menjadi sebab adakah Kerajaan Negeri melihat supaya ada satu peruntukan yang agak munasabah supaya PeBT ini kita lebih berjaya lagi. Terima kasih.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, saya ingin merakamkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO-EXCO terdahulu yang telah membentangkan idea PeBT ini yang sangat luar biasa, *very rare*, kita tidak ada konsep seumpama ini di negeri-negeri yang lain, saya ucapkan terima kasih dan cuma saya mengambil tugas untuk menambah baik apa yang telah sedia ada. Di antara kekangan kita sekarang ini Yang Berhormat ini Sijangkang adalah kekangan prosedur kewangan itu sendiri. Di antara PBT-PBT ini proses kewangan tidak sama. Kadang-kadang nak keluar RM500.00 pun dia punya cara tu macam nak keluar RM50,000.00, punya susah. Jadi kita akan *review* balik dan untuk makluman Yang Berhormat kita tidak berhasrat menambah peruntukan kewangan yang ada kerana peruntukan kewangan yang sedia ada ini juga kalau Yang Berhormat tengok contoh di MPK, prestasi tuntutan elaun dan program tidak sampai pun 50% itu. Maknanya dengan duit yang ada ni pun kita tidak boleh *utilize*, kita tidak berhasrat saya nak tenangkan jiwa Dato' PWN supaya tidak susah hati, kita akan bergerak di dalam ruangan yang sedia ada. Cuma persoalan dia mengapa permohonan ini di tahap 50%? Apakah ada masalah birokrasi ataupun masalah ketidakupayaan PeBT itu sendiri, ataupun tidak ada minat di kalangan PeBT kita, kita akan *review* balik *the whole thing*. Jadi *InsyaAllah* Yang Berhormat Sijangkang, kita akan *improve* dari masa ke semasa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya Teratai.

TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, soalan saya nombor 70.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAI WAI CHONG (N22 TERATAI)

TAJUK : ASET AIR SELANGOR

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- : (a) Apakah perancangan kerajaan dalam usaha menambah aset kecemasan Air Selangor dalam menghadapi ketiadaan air?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Cepat masuk ya. Yang Berhormat Teratai telah bertanyakan soalan berhubung dengan perancangan kerajaan dalam usaha menambah aset kecemasan Air Selangor dalam

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

menghadapi krisis air. Jadi perkara ini pun saya telah jawab dalam Penggulungan saya tapi saya akan sebutkan lagi sekali. Untuk aset kecemasan maknanya lori-lori tangki yang digunakan oleh Air Selangor setakat 16 Oktober 2020 adalah seperti berikut:-

Bil	Aset	Kapasiti (Liter)	Jumlah (Unit)	Aset
1	Lori Tangki Air	5,600	82	
2	Lori Tangki Jumbo	35,000	2	
3	Tangki Statik	1,893	461	
4	Tangki Statik	2,271	177	
5	Tangki Statik	3,785	9	

Berdasarkan peruntukan CAPEX ataupun Perbelanjaan Modal 2019, Air Selangor telah membuat pembelian penggantian lori tangki air baru berkapasiti 5,600 liter sebanyak 3 unit dan diterima pada Oktober 2020. Manakala melalui bajet CAPEX 2020, Air Selangor telah membuat pembelian sebanyak 10 buah lori tangki air berkapasiti 10,000 liter tiap satu dan dianggarkan mula diterima pada pertengahan tahun 2021. Air Selangor juga telah memeterai perjanjian *Framework Agreement Services of Rental of Jumbo Tanker for Air Selangor* sebanyak 40,000 liter dengan 4 pembekal lori jumbo untuk penyediaan lori secara kecemasan dengan kapasiti sehingga 40,000 liter setiap satu dalam keadaan kecemasan untuk digunakan oleh dibekalkan oleh syarikat-syarikat ini. Juga saya ada sebutkan semalam ada perjanjian juga dengan syarikat-syarikat air di luar pada Selangor untuk juga membantu menyediakan lori atau tangki, lori *tanker* bagi membantu dalam keadaan semasa krisis.

Air Selangor telah merangka perancangan untuk penggantian atau penambahan (bergantung kepada keperluan semasa) lori tangki air untuk tahun 2021 sehingga 2022 sebanyak 10 unit lagi yang berkapasiti 10,000 liter setiap satu. Selain itu, program penggantian kenderaan termasuk lori-lori tangki ini telah termasuk dalam Pelan Perniagaan 30 Tahun syarikat melibatkan anggaran kos keseluruhan semua jenis kenderaan untuk 30 tahun ini sebanyak RM251.3 Juta. Total. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Teratai.

TUAN LAI WAI CHONG : Saya memohon Kerajaan ambil maklum bahawa tiada lori *tanker* dihantar oleh Air Selangor di Kampung Tasik Permai baru-baru ini lah yang krisis air yang lepas ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya sebagaimana yang sebut dalam Penggulungan, kalau berlaku krisis yang besar di mana berlaku baru-baru ini yang melibatkan Sungai Selangor yang membekal air hampir 60% kepada bekalan air

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Selangor dan Wilayah Persekutuan, kita dengan kemampuan yang ada kita hanya boleh membekalkan air dalam 16% sahaja, dalam keadaan *emergency* sangat-sangat rendah kerana itu telah mengambil kira segala *facility*, sewaan ataupun bantuan lori *tanker* daripada negeri-negeri lain. Ini memang satu perkara yang berlaku yang besar, krisis yang besar. Jadi antara cara lain yang kita telah, saya telah cadangkan kepada Air Selangor ialah pertama untuk melihat pili-pili awam ini mungkin dapat ditingkatkan, ditambah kerana tapi satu perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat kena faham jika berlaku krisis air ini kawasan-kawasan yang tak ada air pun luas, jadi airnya ambil daripada mana.

Jadi ini satu perkara lagi dari lori tangki ini dalam keadaan krisis yang besar ini dia kena keluar kawasan, kena ambil air tempat yang ada air kadang-kadang ulang itu makan masa berjam-jam, 5 jam, 4 jam *just* satu pusingan. Jadi tentulah kesukaran dengan *traffic jam* nya dengan jauhnya inilah satu perkara kaedah lagi yang perlu kita bagi pertimbangan. Jadi kita tidak mahu *new norma* pula di Negeri Selangor sebab itu kita telah ambil langkah-langkah jadi, kita ada pertimbangan yang sesuai dan sewajarnya. Tapi saya sebut tadi macam mana saya telah sebut lagi saya sebut lagi sekali cadangan-cadangan yang sering dilanggeng oleh Yang Berhormat Bukit Gasing untuk kita juga *activate* kan kolam-kolam atau *reservoir* tangki-tangki kita ada yang sama ada 100 lebih ini perlu lah kita dalam proses juga untuk di *activate* kan dan kawasan-kawasan bangunan baru pula juga perlu menyediakan tangki-tangki ini sekurang-kurangnya boleh bertahan sehari dua hari atau tiga hari air. Ini dapat membantu nanti juga dalam krisis jika berlaku lagi yang kita akan cuba elakkan di masa yang akan datang ini. Terima kasih.

Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa.

Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dalam sewaktu krisis ketiadaan air ini rasanya ok, maknanya pihak Air Selangor akan menghantarkan air-air bersih ke lokasi-lokasi cumanya kita juga perlu menyediakan air minuman yang bersih kepada penduduk kerana waktu itu semua air di pasaran sudah habis. Maknanya di pasar raya ke di mana semua air-air berbotol ini akan habis dibeli oleh penduduk. Jadi saya memohon kepada pihak Kerajaan Negeri agar Air Selangor juga menyediakan air-air berbotol yang bersih yang boleh dijadikan minuman kepada penduduk dan diagihkan ke kawasan-kawasan yang terputus bekalan air ini. Terima kasih.

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Memangnya sebelum ini memang kita menyediakan botol yang 5 liter memang kita agihkan cuma saya sebut tadi kalau krisis

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

terlalu besar, jadi tidak kemampuan untuk menguruskan pembekalan ini memang menjadi masalah tetapi sebelum ini memang ada yang baru ini pun memang ada kita agihkan mungkin tidak meluas kerana kekangan dari segi jumlahnya satu. Yang keduanya, dari segi agihannya. Nanti kita akan mempertingkatkan dan bantu untuk mengurangkan beban atau kesan daripada tekanan ini. Yang kedua satu perkara lagi yang hendak kita pastikan juga yang kita perlu teliti juga perkara ini sebab perkembangan saya sudah sebut isu dari segi penambahan lori-lori tangki yang digunakan terutama oleh PBT. PBT kita memang mempunyai lori tangki tetapi piawaiannya mungkin tidak sampai tahap mencapai untuk air minuman ini untuk membawa karat dan sebagainya. Walaupun sudah dicuci pun masih ada karat lagi, ia digunakan sebelum ini digunakan untuk siram pokok-pokok atau tanaman, pokok-pokok bunga mereka. Jadi ini kita boleh pertimbangkan dalam keadaan *emergency* sebahagian keperluan air ini bukan sahaja untuk sebahagian besar juga untuk membersihkan ataupun untuk kegunaan tandas atau sebagainya, ini pun perlu kita teliti bagaimana kaedah pelaksanaannya untuk mengurangkan beban ataupun masalah kepada penduduk. Air minuman tadi saya terima memang kita akan tingkatkan untuk membantu bila berlaku krisis ini. Terima kasih.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Banting.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Saya ingin bertanya sebelum ini saya pernah menjalankan untuk menggunakan memperbanyakkan tangki-tangki statik di asset ataupun di premis PBT seperti Dewan Orang Ramai, Balai Raya dan sebagainya. Tujuan saya mencadangkan ini adalah untuk mengurangkan *turnover tank*, lori-lori tangki air yang Air Selangor. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah kos untuk melaksanakan program ini sekira ia boleh dipertimbangkan, apakah kemungkinannya ia boleh diterima Air Selangor?

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya tidak ada khusus kos yang diberikan di sini. Cuma, memang ada kita bincangkan isu tangki statik ini ia ada masalah lain pula. Walaupun kita kata *turn around* boleh ditingkatkan sebenarnya lori yang datang pun memang dia kosongkan air ke dalam tangki ini. Jadi kalau kita tambah maknanya kita perlu juga tambahan lori tangki untuk mengisi air-air di tangki-tangki ini. Maknanya ia kena prosesnya sekali mungkin ada satu 2 tempat yang lorinya terpaksa statiknya di situ sebab tangkinya sudah penuh, tangki statiknya sudah penuh tapi kalau kita tambah kita kena selaraskan juga penambahan lori tangki untuk memastikan, nanti kita kena marah pula tangki banyak air tidak ada sebab lori tidak sampai. Itu pun satu masalah yang perlu kita koordinasikan perkara ini dan kita perlu pertimbangkan. Yang keduanya, isu masalah ini penempatannya sebab benda ini bukan berlaku krisis setiap hari. Jadi tentu perkara-perkara ini juga kita akan ambil pertimbangan tetapi bukan bermakna tidak ada pembelian baru memang ada tetapi kita akan timbang

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

melihat kepada keperluan dan kesesuaian untuk kita tempatkan di mana-mana yang sesuai tetapi pili awam jauh lagi baik bagi saya untuk ditambah kerana saya rasa itu lebih praktikal dan tidak makan space yang luas untuk kegunaannya. Terima kasih.

Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sementa.

Y.B PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan cadangan daripada Banting tadi dan saya juga ingin mencadangkan agar sewaktu krisis ini lori-lori tangki ini tadi disebut akan mengambil masa yang lama untuk isi air untuk bawa air pergi ke lokasi dan tunggu air habis barulah lori ini pergi mengisi semula. Jadi cadangan saya adalah supaya lori-lori tangki ini mengisi penuh semua *tank-tank* ataupun tangki-tangki air sama ada di masjid-masjid, di surau-surau di mana kawasan-kawasan ini mudah penduduk datang untuk mengambil air. Jadi isikan penuh semua tangki-tangki yang ada di masjid, di surau ataupun di kawasan-kawasan yang ada tangki-tangki ini dan maknanya air tidak akan terputus sementara lori ini pergi dan berulang alik. Terima kasih.

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Itu kena kaji secara teliti, pertama ialah kapasiti tangki yang ada ini pun, kedua adalah sistem *pumping* dia kena pam benda-benda ini kalau kita hendak buta kena ada perlu sistem pengepaman yang boleh ditengok kaedah yang disebut tadi pun di dewan-dewan tertentu tapi bagi saya kita tidak mahu benda ini jadi macam satu yang kebiasaan pula nanti dan kita akan pertimbangkan dan kita akan lihat keperluan untuk mewujudkan sokongan bantuan air ini ketika krisis dalam masa yang sama juga kita mengambil kira juga kesesuaian dan kewajaran untuk kita meletakkan di marata tempat tangki-tangki ini. Terima kasih.

Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan lagi. Ok, silakan.

Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Maklumat yang sampai kepada kami sebagai ADUN daripada rakyat yang cukup marah bila air kita terganggu adalah pihak Air Selangor maklumkan bahawa isu untuk kita tambah tangki-tangki statik ini bukanlah satu isu besar untuk kita *supply* air tetapi adalah disebabkan oleh faktor PKP yang akhirnya di luar kawalan dan mereka tidak mempunyai *strength* dan ini yang kita sampaikan kepada rakyat agar nampak reda. Jadi saya tidak pasti sama ada itu satu punca yang cukup besar sehingga kita tidak dapat tambahan tangki-tangki statik sebelum ini saya ingin sangat cantik, setiap surau kita ada saya ingat kita boleh gunakannya jawatankuasa mana peringkat untuk membantu daripada urusan sebabkan PKP yang jadi *crowded* dan sebagainya. Terima kasih.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya tidak dapat makluman itu, saya rasa itu tidak tahu sumber daripada mana tapi tidak ada masalah urusan air ini kerana kita memberi kebenaran dapat kebenaran untuk menguruskan kerana ini dianggap satu khidmat kritikal kepada rakyat dan tidak timbul isu itu. Sebenarnya apa yang berlaku ialah setakat mana krisis itu, bertapa besar krisis itu kalau kecil kita boleh kendalikan dengan baik kalau berlaku terlalu besar tentulah keperluan logistiknya agak berbeza. Itu yang menjadi sekatan dankekangan kita kerana apa yang berlaku itu yang dirujuk kekangan berlaku krisis yang besar yang berlaku masa paip yang pecah tidak ada masalah, itu kita boleh kendalikan dengan cepat kerana luas kawasannya tidak besar tetapi bila berlaku kawasan yang begitu luas tentulah keperluan logistik kita pun hendak menunggu daripada lain hantar pun makan masa bukannya boleh kita dapat segera lori-lori tangki ini. Jadi tentulah menyebabkan ada kekangan di situ tapi saya tidaklah menyebut bahawa sempurna apa yang kita buat, ada kelompongan dan kelemahan di sana sini yang kita sudah kenal pasti dan kita akan perbaiki pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar tidak hadir.

Y.B TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRRUDIN : Tuan Speaker. Peraturan 24 Sub Kepala 2, saya ingin mengambil soalan daripada Sungai Air Tawar. Soalan nombor 71.

TUAN SPEAKER : Saya benarkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : STATUS SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan senarai Ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat berkaitan kerajaan di bawah seliaan Kerajaan Negeri.
- b) Berapakah nilai peruntukan untuk membayar elaut kesemua Ahli Lembaga Pengarah?
- c) Berapakah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan?

JAWAPAN:

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kuang dan Sungai Air Tawar yang menanyakan soalan ini. Kita mempunyai senarai yang panjang anak-anak syarikat jadi saya tidak boleh senaraikan semua namun saya bagi contoh yang paling besar, antara yang paling besar yang kita dapat laksanakan adalah anak syarikat ataupun Ahli Lembaga Pengarah bagi Syarikat MBI. Untuk syarikat seperti ini kita meletakkan kepimpinan utama Kerajaan Negeri, saya sendiri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan 2 orang wakil daripada MBI selaku anak syarikat ataupun Ahli Lembaga Pengarah. Namun begitu kita dalam proses merangka supaya wakil MBI ini datang sebagai pengurusan bukan sebagai Ahli Lembaga Pengarah, kita sedang ubahkannya jadi kita ada dua kekosongan selepas ini untuk diisi. Untuk MBI sahaja setiap tahun untuk yuran dan untuk elaun kehadiran mesyuarat kita telah berbelanja sekitar RM382 Ribu yang dapat diberikan ataupun manfaat kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Yuran tahunan dibayar setahun sekali nilainya di antara RM50 Ribu hingga RM80 Ribu dan elaun mesyuarat di antara RM2 Ribu hingga RM3 Ribu maknanya pengurus yang lebih. Untuk anak-anak syarikat yang lain seperti PKNS, PKPS mempunyai jaringannya yang sendiri dan setiap satu juga mempunyai elaun dan yuran tahunan yang dibayar kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Itu sedikit jawapan yang diberikan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan saya yang ke 72. Terima kasih Tuan Speaker.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SENARAI MASJID / SURAU DI N39 YANG MENERIMA SUMBANGAN DARI KERAJAAN NEGERI SEJAK 2008

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di kawasan Petaling MBSA Seksyen (U3,U4,U5.U6) Zon 17,Zon18,Zon24?
- b) Di kawasan Petaling MBPJ (Zon 3 , Zon 4)?
- c) Berapakah jumlah dan tujuan sumbangan?

JAWAPAN:

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Yang Berhormat Tuan Speaker saya selalu dapat masa-masa kecederaan di hujung, harap-harap dapat selesai menjawab pertanyaan daripada Kota Damansara. Kota Damansara bertanya tentang masjid dan surau di kawasan beliau dan sumbangan yang diberi oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Damansara senarai masjid dan surau yang menerima sumbangan dari Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008 adalah seperti berikut. Bagi Masjid di kawasan Petaling MBSA Seksyen U3,U4,U5.U6 Zon 17, Zon 18, Zon 24 terdapat 4 buah masjid. Manakala Surau pula adalah sebanyak 42 buah surau. Senarai masjid dan surau akan diserahkan selepas sesi Dewan ini. Bagi Masjid di kawasan Petaling MBPJ pula Zon 3, Zon 4 ialah sebuah sahaja iaitu Masjid Kota Damansara. Manakala Surau pula adalah sebanyak 15 buah. Senarai surau akan diserahkan selepas sesi Dewan ini. Sumbangan yang diperuntukkan adalah untuk tujuan baik pulih, elauan pegawai masjid dan surau serta pengimaran yang berjumlah RM 2,389,084.85. Sekian terima kasih.

Y.B TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Kebiasaan peruntukan-peruntukan ini diberi terus kepada masjid ataupun surau, saya harap sangat permohonan ini bolehkah pihak JAIS memaklumkan kepada pusat khidmat berapakah jumlah telah diberi ataupun permohonan yang telah diberi untuk tujuan apa di masa-masa yang akan datang.

TUAN SPEAKER : Ringkas sahaja boleh atau tidak.

Y.B TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Ya, ringkas sahaja, kita akan berikan perincian tentang pemberian tersebut dan secara ringkasnya elauan kepada Pegawai Masjid RM1,430.00 pemberian kepada masjid dan surau RM2,800.00 dan surau RM1,500.00 dan untuk pembangunan sejumlah RM754 juta akan diperincikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar, RM14,922,334.43 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Tiga Puluh Empat dan Empat Puluh Tiga Sen).

TUAN PENGURUSI: Jadual B.17 – iaitu wang sejumlah RM14,922,334.43 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Dua Ribu Tiga Ratus Tiga Puluh Empat dan Empat Puluh Tiga Sen) untuk Kepala B.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.18 – Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, RM15,057,935.43 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Lima Puluh Tujuh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima dan Empat Puluh Tiga Sen).

TUAN PENGURUSI: Jadual B.17 – iaitu wang sejumlah RM15,057,935.43 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Lima Puluh Tujuh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima dan Empat Puluh Tiga Sen) untuk Kepala B.18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, RM13,834,487.65 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Enam Puluh Lima Sen).

TUAN PENGURUSI: Ya Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengurus, terima kasih. Saya ambil bahagian, muka surat 136. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak – B.19. Kod 55000 yang berkaitan dengan 27000 dan 28000 dan 20000 yang melibatkan wang yang jumlah RM 4,985,920.18 dan pada tahun depan bernilai RM 4,971,128.94 yang menunjukkan tidak banyak perubahan banyak pengurusan yang baik, yang cekap yang tidak menambahkan mana yang tidak perlu. Jadi saya nak timbulkan di sini tentang pengurusan pentadbiran tanah yang berkaitan dengan tanah-tanah sempadan, tanah-tanah sempadan yang melibatkan satu soalan yang telah saya kemukakan beberapa tahun yang lalu di Dewan yang mulia ini dan dijawab bahawa

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

tanah-tanah yang ada di sempadan dengan Pahang, Wilayah terutamanya dan Negeri Sembilan ada sikit kawasan sempadan dan kalau di ukur, di nilai, disukatnya kalau dianggap sebagai pertanian sebanyak 390 juta. RM390 juta. Jadi saya harap benda ini boleh diambil kira oleh Pejabat Daerah Gombak berkaitan dengan sempadan-sempadan yang berkaitan dengan Wangsa Maju, Setiawangsa dengan Pahang sedikit, Gombak hutan di situ ya.

Yang kedua yang ingin saya nyatakan, minta di sini tentang pemberimilikan tanah yang melibatkan pelupusan tanah yang biasanya kalau tanah pertanian itu tidak ada masalah sangat tapi bila melibatkan tanah-tanah yang berkaitan dengan *car wash*, tempat mencuci kereta, tempat *parking* kereta, orang jual, ceroboh tanah untuk jual kereta dan sebagainya ada nilai-nilai yang sangat tinggi hingga sebidang tanah yang tak besar sangat berjumlah sampai 7 juta. Jadi kerana kenapa premiumnya tu adalah premium yang *full*, 60 tahun. Kalau perniagaan dengan premium yang tinggi jadi kalau itu dapat kepada anak-anak apa orang-orang Melayu biasanya yang tidak ada *connection* yang cukup baik untuk membeli tanah yang demikian. Jadi kalau kita boleh mereka datang kepada ADUN untuk minta pertolongan, pertolongan tak ada lah kan. Jadi minta yang boleh adalah pengurangan tahun untuk dinilai tanah itu, premium itu tidak setinggi. Kalau 30 tahun ya sebagai. Hasil negeri dapat dan itu, dan kebaikannya dapat kepada masyarakat yang memohon tanah.

Kemudian, saya ingin sentuh sini tentang Kod 525000 pengusaha tanah yang melibatkan perkhidmatan dan bekalan, 20000 yang menyentuh tentang tanah-tanah yang digunakan oleh Kerajaan seperti kalau di Kampung Fajar adalah tanah itu untuk kegiatan kumbahan dan kumbahan dan patut tempoh dan habis patut dipulangkan tidak berlaku pemulangan tersebut. Jadi, saya berhajat untuk mencadangkan lagi dengan bersungguh-sungguh kerana kita dah ada EXCO baru perumahan untuk menjadikan Kampung Fajar satu fokus *development*. Dan saya harap ada sokongan dari pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak untuk membolehkan proses pemilikan semula tanah Kerajaan Negeri Selangor di bawah daerah Gombak kepada Kerajaan Persekutuan untuk projek Persekutuan diserahkan balik tanah itu ke Kerajaan Negeri untuk dijadikan pembangunan Kampung Fajar. Jadi saya harap perkara ini dapat dijayakan pada tahun ini. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada butiran program 505000 – Khidmat Pengurusan. Kod Objek- Sebagai 32000 – Bangunan dan Pembaikan Bangunan.

Di sini saya ingin mencadang di sebabkan

TUAN PENGERUSI: Muka surat berapa tadi?

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : 136.

TUAN PENGURUSI: Baik.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Saya ingin mencadang bahawa disebabkan pejabat, Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dah uzur dan lama dan / rasanya dia adalah salah satu bangunan yang tidak mempunyai *lift*. So, dan bangunan itu 5 tingkat. So, ia memberi satu kesusahan kepada OKU dan juga warga emas.

Hulu Klang dan juga Taman Templer merupakan ADUN di kawasan daerah Gombak juga, so harap Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menaik taraf dan juga menambah lif di bangunan tersebut. Sekian, terima kasih.

TUAN PENGURUSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Hulu Klang dan juga Rawang atas maklum balas yang diberikan. Pertama, berkenaan dengan sempadan. Sememangnya Gombak merupakan daerah hujung terakhir sebelum kita bertemu dengan Pahang dan Kuala Lumpur. Ini dua negeri yang bersempadan dengan daerah Gombak dan juga negeri Selangor. Untuk negeri Pahang sebenarnya kita telah selesai pada tahun 2017 kalau tidak silap saya untuk keseluruhan sempadan-sempadan mereka dan satu perjanjian telah dimeterai di antara negeri Selangor dan negeri Pahang untuk menetapkan batu sempadan mereka di antara kedua-dua ini dan mengelakkan apa yang berlaku sebelum ini di mana ada sempadan-sempadan yang melintasi satu tanah. Satu tanah melibatkan dua negeri ataupun satu rumah melibatkan dua negeri dan selepas ini kita sedang meneliti pula dengan Kuala Lumpur sebenarnya satu mesyuarat ketika bersama dengan Menteri Wilayah Persekutuan yang lama kita dah putuskan untuk ditubuhkan jawatankuasa dan jawatankuasa tu harus kemukakan kepada MTES. Sebab dia kembali akan melihat kepada batasan dan lintasan-lintasan untuk kawasan-kawasan sempadan negeri dan dengan Kuala Lumpur ini lebih rumit sebenarnya berbanding dengan Pahang sebab dengan Pahang hampir 30, 40% ataupun lebih daripada itu adalah kawasan-kawasan hutan jadi agak mudah. Kalau adapun memang tanah orang dan kebun paling ada paling tinggi pun kebun dan juga ladang.

Namun untuk di Kuala Lumpur, sebahagiannya adalah premis, sebahagiannya adalah jalan, sebahagiannya adalah bangunan dan mungkin kita terpaksa meminda mengikut peta. Sebagai contoh di kawasan dia berkenaan dengan kawasan saya ikut tahun 1970an sepatutnya ada satu kawasan yang lain ikut kawasan pemetaan baru di kawasan yang lain. Jadi negosasi itu dilakukan di pihak jawatankuasa di antara pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan juga pihak Kementerian Wilayah untuk memutuskan laluan-laluan ini dan batasan-batasan itu sudah pasti kita

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

akan cuba *fight* sebaik mungkin untuk pastikan seinci pun tanah kita, kita pertahankan kerana ia sebagaimana disebut oleh Hulu Klang adalah sebagai hasil dan juga sebagai peluang kepada Kerajaan Negeri.

Kedua, apa yang disebutkan oleh Hulu Klang itu adalah satu perkara yang *real* di mana untuk nilai, *value* tanah pada kadar semasa di Negeri Selangor ini sangatlah tinggi maknanya kawasan yang boleh menandinginya mungkin Bandar raya Kuala Lumpur. Lain dah tak mampu untuk menandingi nilai dan *value* hartanah di Negeri Selangor. Justeru, kadang-kadang kita terpaksa menawarkan satu tempoh masa yang lebih pendek daripada 99 tahun yang biasanya, lazimnya boleh diturunkan kepada 60 tahun ataupun boleh pergi kepada pajakan. Pajakan nilai dia adalah 21 hingga 30 ataupun 40 tahun boleh diberikan. Ataupun kalau tak ni boleh pergi pada LPS, Lesen Pendudukan Sementara. Itu adalah kategori-kategori nya tapi untuk satu pelaburan-pelaburan tertentu kita dah terbiasa dengan 99 tahun sedangkan di negara-negara tertentu seperti Cina, di Hong Kong dan di beberapa buah negara maju pemilikan itu diberikan dalam tempoh 40 hingga 50 tahun sahaja. Mungkin dasar ini kita boleh lihat nilai *value* nya tidak terlalu terbeban kepada pembangunan ataupun hak milik rakyat tetapi dalam masa yang sama ia juga dapat memberikan kependudukan serta kedudukan yang sah kepada pemilik-pemilik ini. Ini satu perkara yang saya rasa boleh dinilai, kita boleh semak balik, nilai balik, sesuai dengan praktis negara-negara maju terutamanya untuk tanah-tanah pembangunan dan pelaburan.

Kadang-kadang kalau 99 ni untuk penduduk, untuk rumah mungkin kita boleh faham. Dua tiga generasi boleh duduk. Tapi untuk kilang mereka memerlukan *reinvestment*. Mereka memerlukan pelebaran mungkin kita boleh pendekkan kalau dalam tempoh 30 hingga 50 tahun jadi premiumnya tidak terlalu besar dan tetapi kita juga kena lihat juga faktor kewangan sebab mereka kena mendapatkan hasil ataupun mendapatkan nilai kewangan daripada pinjaman kewangan.

Tentang Kampung Fajar ini, saya akui masalah lama kita sedang bincang balik. Kali terakhir perbincangan dengan Menteri yang terlibat dulu Menterinya daripada KETTA kepada KATS. Daripada KATS jadi MEWA. Daripada MEWA jadi KASA. Jadi macam tu lah punya panjang. Menteri pun dah tukar banyak kali. Memang kita akui kita dah serahkan tanah. Tujuan kita serahkan tanah untuk kawasan pemulihan loji-loji rawatan untuk IWK. Tapi disebabkan oleh pembangunan teknologi, tanah-tanah ini tidak digunakan walaupun sekarang ini menjadi, ikut-ikutkan kita dah serahkan kepada Kementerian yang berkenaan dan mereka dah setuju. Masa Menteri KATS. Sekarang Menteri dah jadi KASA. Kita tak dengar cerita lagi dia nak serahkan ke tak serah tapi memang saya memang kita Kerajaan Negeri memang nak balik tanah tersebut kerana ia tidak digunakan atas gazet dan juga syarat yang telah kita tetapkan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Untuk yang Rawang, saya rasa ini cadangan baru. Biasanya kita akan kemukakan bajet ini dalam tahun hadapan. Jadi kalau hendak kemukakan boleh di buat sekarang, maknanya boleh cadangkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak untuk kemukakan dan *bid* bajet tahun depan lah sebab bajet ni biasanya *bid* akan dikeluarkan pada bulan enam, bulan tujuh oleh jabatan-jabatan. Seawal bulan empat. Sudah boleh koordinat tapi gunakan peruntukan yang sedia ada untuk pengurusan ini untuk merangka pelan dan juga rancangan baru mungkin boleh lihat kawasan sekeliling dan pembangunannya secara menyeluruh yang tidak semestinya daripada kerajaan sepenuhnya. Ya, kita boleh fikirkan *public private partnership* tapi kalau kerajaan pun kita boleh pertimbangkan untuk dimuatkan, diletakkan tentang pejabat baru yang lebih moden, yang lebih mampu untuk membantu masyarakat dan penduduk untuk berurusan di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.19 – iaitu wang sejumlah RM13,834,487.65 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Enam Puluh Lima Sen) untuk Kepala B.19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui....

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang, RM14,307,229.35 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Tiga Ratus Tujuh Ribu Dua Ratus Dua Puluh Sembilan dan Tiga Puluh Lima sen).

TUAN PENGERUSI: Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengurus, muka surat 142 dan 143, butiran program 505000 – Khidmat Pengurusan, dan juga butiran program 525000 – Pengurusan Tanah, Kod Objek: 11000 – Gaji dan Upahan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mencadangkan di sini supaya, Pejabat Daerah dan Tanah Klang ini untuk memperkasakan Jabatan Penguatkuasa, dengan menambah bilangan anggota-anggota penguat kuasa, bagi menjalankan operasi untuk memantau dan juga mengambil tindakan terhadap tanah-tanah kerajaan yang diceroboh. Banyak kejadian-kejadian tanah-tanah kerajaan di kawasan Pelabuhan Klang sekarang ini, telah diceroboh dengan aktiviti-aktiviti pembuangan sampah-sampah haram, terutama sekali sampah-sampah sisa plastik yang import daripada luar negara. Telah beberapa kali operasi dibuat bersama-sama pihak Jabatan Kastam, Jabatan Alam Sekitar, PBT, tetapi aktiviti-aktiviti ini sering berlaku semasa

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

hari Ahad, hari Sabtu, cuti umum, waktu malam. Dan sewaktu hari-hari ini, masa-masa ini tiada anggota-anggota penguatkuasa dan saya berharap anggota-anggota penguatkuasa Pejabat Tanah ini perlu ditambah supaya mereka boleh bertugas selama 24 jam, dengan membuat syif pagi, petang dan malam, bagi mengawal aktiviti-aktiviti pencerobohan tanah-tanah kerajaan terutama sekali dengan aktiviti-aktiviti pembuangan sampah haram.

Banyak sangat kejadian-kejadian yang sekarang ini sampai sudah tidak terkawal di kawasan Klang, terutama sekali di dalam kawasan Pelabuhan Klang. Dan kita sudah sedia maklum kawasan Klang ini keluasannya 574 kilometer persegi, dengan populasi penduduk seramai 1.2 juta orang dan ada ramai orang-orang luar juga datang untuk mencari pekerjaan, mencari rezeki di kawasan Pelabuhan Klang. Jadi sudah tentu, adanya ruang-ruang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti pembuangan sampah haram ini. Jadi perlu, dipertingkatkan, diperkasakan Jabatan Penguatkuasa dengan menambah bilangan anggota dan bertugas 24 jam.

Saya ucap terima kasih lah kepada Majlis Perbandaran Klang terutamanya yang banyak membantu, yang telah meningkatkan Jabatan Penguatkuasa dengan banyak mengambil tindakan terhadap tanah-tanah yang telah diceroboh, tetapi Majlis Perbandaran Klang banyak tertumpu kepada tanah-tanah hak milik, tanah-tanah pihak swasta, tanah-tanah yang berdekatan dengan kawasan kilang tetapi untuk tanah-tanah kerajaan ini. Perlu ada kerja yang kuat daripada Pejabat Tanah itu sendiri sebab ini adalah tanah-tanah di bawah kawalan dan seliaan mereka. Dan sebagai contoh ya, sebagai contoh, ada sebuah tanah, sebidang tanah di Pulau Indah yang bersebelahan dengan tapak pembinaan atau pun tapak projek Selangor Bio Bay di bawah kendalian Central Spectrum, betul-betul sebelah tanah ini dulu hutan, cantik, tepi jalan, tepi *highway*. Tapi sekarang kalau kita pergi, tengok mula daripada kecil, aduan telah banyak kali, tetapi tindakan penguatkuasaan tidak dibuat dan akhirnya, sekarang ini telah selapang-lapangnya telah menjadi tapak pembuangan sampah plastik-plastik haram ini. Plastik-plastik yang telah dihancurkan dan kalau kita tengok sekali imbas seperti tanah, tapi kalau kita pergi dekat ia merupakan plastik yang telah dihancurkan. Jadi ini yang mengelirukan pelabur-pelabur, sehingga pelabur-pelabur mempertikaikan adakah Central Spectrum menggunakan sampah untuk menambak tanah-tanah mereka. Dan ia bukan lah tanah di kawasan Central Spectrum, tetapi ia betul-betul bersebelahan dengan tanah Central Spectrum dan ini menyukarkan pihak Central Spectrum untuk meyakinkan pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan di kawasan Selangor Bio Bay.

Jadi saya berharap supaya, penguatkuasa ini dipertingkatkan kerana kalau kita tidak bendung daripada sekarang, saya khuatir, sebab selain daripada tanah-tanah di Pulau Indah ini, ada banyak lagi tanah-tanah di kawasan Pelabuhan Klang telah menjadi tapak pembuangan sampah haram terutama sekali tanah-tanah kerajaan di tepi laut, tanah-tanah kerajaan yang ada tanaman pokok kayu bakau. Boleh tengok

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

sekarang pokok kayu bakau memang sudah banyak sudah yang mati di kawasan Pelabuhan Klang disebabkan aktiviti-aktiviti pembuangan sampah haram ini. Jadi saya berharap pihak kerajaan supaya dapat mempertimbangkan cadangan saya supaya dapat menambahkan anggota penguatkuasa ini. Saya yakin nanti pihak kerajaan akan menjawab, kita akan menggunakan dron untuk memantau, menggunakan dron ini betul kita boleh tahu, tetapi tetap juga kena menggunakan manusia, tetapi juga kena menggunakan anggota penguatkuasa untuk mengambil tindakan untuk menghantar saman dan mengenal pasti siapakah pelaku-pelaku, penjenayah-penjenayah alam sekitar ini yang merosakkan tanah-tanah milik kerajaan sehingga menyebabkan tanah-tanah itu tidak bernilai dan seterusnya merosakkan alam sekitar dan menyusahkan penduduk-penduduk yang berhampiran dengan tanah-tanah tersebut. Dan pemandangan pun, kalau kita tengok, tanah-tanah itu bila telah diteroka menjadi tapak pembuangan sampah haram, pemandangan pun sudah tidak menarik sudah, dengan bau-bau yang ada itu, ia lagi menyebabkan penduduk-penduduk tidak selesa dengan kawasan tersebut.

Lagi soalan yang kedua ialah, saya hendak tanya, saya tanya depan-depan hari ini, berapa lama kah jawatan seorang Pegawai Daerah itu untuk berada di sesuatu Pejabat Daerah? Saya lihat pejabat Pegawai Daerah Klang ini sudah lama, sepatutnya beliau dinaikkan lah pangkat ke tempat yang lebih baik lagi, lama sangat sudah, bagi lah ruang pula kepada orang lain untuk menjadi Pegawai Daerah. Kesian, saya tengok Pegawai Daerah ini, lama sangat sudah duduk di daerah Klang ini, bagi lah dia naik pangkat di tempat lain pula. Ini cadangan saya lah. Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian, eh, tuan-tuan dan puan-puan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

TUAN PENGURUSI: Ini bukan ceramah ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Saya berharap, saya berharap kerajaan negeri dapat mempertimbangkan cadangan Pelabuhan Klang. Sekian, terima kasih.

TUAN PENGURUSI: Sementa

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin, muka surat 142, Vot B20, Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Butiran program 505000, Kod Objek:112000 dan Butiran Program 525000, Kod Objek: 15000. Saya lebih spesifik untuk ke, untuk menyebut tentang projek WCE iaitu projek *West Cost Expressway*, yang melalui atau melintasi DUN Sementa yang mana lebih spesifik di Kampung Bukit Kapar. Projek ini sedang berjalan dengan baik, cumanya, penduduk kampung amat terkilan apabila tanah, jalan ke tanah perkuburan Bukit Kapar ini telah ditutup oleh WCE ini, untuk pembangunan WCE dan kita juga pihak penduduk

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

kampung dan saya pun telah bertemu dengan pihak WCE, namun pihak WCE tidak boleh untuk membuat terowong atau apa juga lah di situ.

Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan negeri untuk memberikan jalan alternatif untuk penduduk kampung pergi atau pun menghantar jenazah ke Tanah Perkuburan Bukit Kapar ini. Buat masa ini ada satu jalan alternatif yang sedia ada namun, ia terletak di atas jalan, tanah hak milik persendirian. Jadi kita tidak mahu di masa akan datang tuan tanah akan *claim* dan tidak membenarkan lagi penduduk untuk melalui jalan tersebut, jadi saya mohon kepada pihak kerajaan untuk memberikan atau mencari jalan alternatif untuk penduduk mempunyai laluan ke Tanah Perkuburan Bukit Kapar. Mungkin pihak kerajaan negeri boleh mohon pampasan ke daripada WCE untuk membina jalan baru atau pun menggazetkan jalan yang sedia ada ini untuk kegunaan dan keselesaan penduduk kampung. Itu sahaja daripada sementa.

TUAN PENGERUSI: Pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih atas yang dikemukakan, sudah pasti kita akan ambil maklum sebagai mana cadangan daripada pihak Pelabuhan Klang berkenaan dengan penguatkuasaan, dan penguatkuasaan ini lebih-lebih lagi sekarang ini bertambah, kita bukan hanya menyelesaikan isu dan juga hal pendudukan tanah tetapi juga salah guna tanah, kadang-kadang tanah itu, tanah milik mereka tapi mereka menggunakan aktiviti-aktiviti yang salah, dan apabila aktiviti yang salah itu, adakah di bawah pejabat tanah atau pun di bawah pihak berkuasa tempatan. Sekarang kita perlukan pelaras, siapa-siapa buat pun, pihak agensi mana buat pun, akhirnya nanti pihak kerajaan negeri yang akan jawab. Jadi hal-hal ini, saya rasa kita perlu selaraskan daripada segi penguatkuasaan ini, kalau ikutkan mereka boleh tidak berfungsi atau pun sebagainya. Kita pernah mencadangkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri sebenarnya untuk melantik apa yang dikatakan, Polis Bantuan, sebab beberapa agensi-agensi yang lain atau syarikat-syarikat yang lain mereka mempunyai Polis Bantuan, tetapi ada masalah bidang kuasa. Takrifan itu kadang-kadang agaknya kelam kabut, apabila kita minta Polis Bantuan, kuasa menahan, kuasa menggunakan beberapa kemudahan dan juga *networking* dengan polis itu lebih kuat. Sampah haram sebagai contoh, *at one time* penggunaan rampasan atau pencurian pasir-pasir, itu pada tahun 2009 dan 2010 ia dapat ditangani kalau kita dapat menguruskan. Tetapi takrifan yang diberikan itu kadang-kadang agak *rigid*, kita minta Polis Bantuan untuk pihak berkuasa tempatan sebagai contoh, akhirnya pihak KDN, Kementerian Dalam Negeri mereka hanya boleh menjaga aset pihak berkuasa tempatan. Kalau kita letakkan mereka di bawah Pejabat Tanah dan Daerah, maknanya mereka hanya boleh jaga bangunan pejabat daerah, itu jadi masalah.

Sedangkan kita tafsirkan, mana-mana tanah kerajaan itu hak milik kepada pejabat daerah atau pun diuruskan di bawah daerah tapi takrifan ia itu antara dua pandangan, antara pandangan yang luas dan pandangan yang sempit. Dan so far apa yang

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

diberikan kepada kita itu pandangan yang agak sempit. Mungkin ada faktor-faktor jangan langgar kuasa dan sebagainya. Jadi sebab itu kita tidak dapat teruskan untuk lantik penguatkuasa-penguatkuasa kita sebahagiannya sebagai Polis Bantuan kerana akhirnya bidang kuasa itu tidak secukupnya dan selayaknya. Untuk tambah dan sebagainya kita akan lihat balik kepada belanjawan kita lah.

Kedua tentang kedudukan pegawai-pegawai daerah, biasanya pegawai-pegawai daerah ini, kita di negeri Selangor ini adalah guna sama di antara Pegawai Tadbir Diplomatik, maknanya, biasanya pegawai-pegawai di peringkat negeri, lantikan-lantikan mereka adalah di bawah N32, atau pun lantikan di bawah diploma dan ke bawah. Jadi yang lain-lain, yang ke atas itu 41 ke atas, 44, 52, JUSA dan sebagainya adalah guna sama di antara *federal* dan kerajaan. Ada baik, ada buruk, yang baiknya adalah, kita mempunyai *pool* yang besar, *at any time* kita boleh tukar bilik, tapi dalam masa yang sama, kita juga kena berebut, hendak dapatkan mana pegawai dan sebagainya. Dan kadang-kadang, pertukaran-pertukaran itu menyebabkan mereka perlu, mendapat. Jadi kadang-kadang kedudukan dan pangkat dan sebagainya itu, ia ditentukan oleh pihak JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah KSN sudah pasti yang akan bertugas dan memastikan tentang kedudukan pegawai-pegawai ini. Itu pun biasanya akan ada negosiasi dengan pihak kerajaan negeri, terutamanya pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak Menteri Besar untuk penempatan dan kedudukan pegawai-pegawai daerah. Ia tidak ada *limit* masa, tidak ada *limit* masa, bukan setahun, dua tahun tetapi ia ada proses peningkatan dan peningkatan khususnya bagi perjawatan awam di Malaysia khususnya untuk Negeri-Negeri Bersekutu. Kita termasuk dalam Negeri Bersekutu.

Untuk Sementa, *Insyallah* hal ini kita akan ambil kira, dan pasti jalan keluar masuk ke tanah perkuburan ini menjadi satu, satu perkara yang penting dan mungkin ini adalah sebahagian dalam pembinaan, sudah pasti apabila siap nanti hal itu akan diambil kira bagaimana jalan keluar masuknya. Tetapi kadang-kadang dalam binaan itu juga pasti disediakan oleh pihak pemaju untuk pembangunan WCE ini yang lalu di kawasan Yang Berhormat di Bukit Kapar yang dimaklumkan tadi, sebentar tadi, dan ini, kita akan ambil pendirian, dan hal ini, saya minta nanti, pegawai-pegawai majlis kita untuk semak tentang penggunaan tanah ini. Terima kasih.

TUAN PENTERUSI: Jadual B.20 iaitu wang sejumlah RM14,307,229.35 (Ringgit Malaysia Empat Belas Juta Tiga Ratus Tujuh Ribu Dua Ratus Dua Puluh Sembilan dan Tiga Puluh Lima Sen) untuk kepala B.20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju sila kata YA.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Dipersetuju...

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM12,119,285.64 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Satu Ratus Sembilan Belas Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Lima dan Enam Puluh Empat Sen).

TUAN PENGERSI: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menarik perhatian kepada muka surat 149 Pengurusan Tanah Butiran 525000 11000 Gaji dan Upahan. Saya mendapat beberapa aduan yang saya kira agak signifikan berkaitan dengan urusan Pusaka dan saya tidak pasti berapa orang pegawai sebenarnya diperuntukkan di setiap daerah dan setakat yang saya dapat maklumat seolah-olah seorang pegawai yang menguruskan urusan pusaka di daerah dan saya mendapat maklumat bahawa urusan ini mengambil masa yang agak panjang. Kadang-kadang satu urusan itu melebihi daripada bukan sahaja beberapa bulan atau setahun, dua tahun kadang-kadang ada yang tidak selesai sampai 3 tahun. Jadi saya melihat supaya mungkin kalau lihat jumlah daripada sudut gaji itu sama maknanya tidak ada pertambahan dari segi perjawatan tetapi kalau boleh ada lantiklah. Lantikan kalau seorang mungkin dua orang. Kalau di Kuala Langat apabila seorang yang menguruskan itu sakit maka urusan itu terbengkalai, bukanlah lambakan tapi banyak kes-kes yang tidak dapat diselesaikan untuk urusan Pusaka ini urusan yang berkaitan dengan tanah, pembahagian kepada keluarga-keluarga yang saya kira kadang-kadang dia agak signifikan walaupun tanah itu tanah pertanian tetapi sudah banyak rumah di situ, urusan sana tak selesai dan kadang-kadang ada yang nak tukar syarat tanah daripada pertanian kepada perumahan tetapi bila urusan tidak selesai juga, melewatkhan dan akhirnya kalau keperluannya yang sangat tinggi berkaitan penempatan ia tidak dapat dilakukan. Dan berkaitan ini juga saya tidak pasti jika Kerajaan Negeri ada dasar untuk pemutihan tanah-tanah pertanian kepada perumahan bagi mereka-mereka yang menduduki tanah pertanian yang dulu mungkin bapa dia ada tanah seekor contohnya satu rumah sahaja tetapi hari ini sudah ada 10 anak, 10 rumah jadinya. Jadi ini telah berlaku berleluasa mungkin satu dasar boleh dibangunkan untuk melihat bagaimana akhirnya dia dapat diputihkan dengan kaedah mungkin kalau nak tukar syarat pertanian kepada perumahan memerlukan premium yang besar tetapi ada insentif kepada anak-anak atau urusan tukar syarat nyata daripada pertanian kepada perumahan yang akhirnya ia akan menjadi pendapatan kepada Kerajaan Negeri dan dia akan menyelesaikan banyak masalah kepada anak-anak atau rakyat di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN PENGERSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sijangkang. Untuk soalan pertama berkenaan dengan pegawai atau pun urusan Pusaka, saya ingin memaklumkan untuk

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

urusan Pusaka pegawai dan urusan tadbirnya adalah datang daripada Kerajaan Persekutuan. Namun pegawai itu ditempatkan oleh Kerajaan Persekutuan di Pejabat Tanah dan Daerah sebab akhirnya cop dan pengesahan tentang kedudukan Pusaka dan pengurusan Pusaka itu adalah diputuskan atau pun di bawah bidang kuasa Pentadbiran DO tetapi urusan dan penggajiannya sebagainya itu datang dari Kerajaan Persekutuan. Ya, saya akui seorang dan saya akui memang agak bertimbun tetapi kita harus merujuk kepada pentadbiran majlis perundingan dengan Tanah Negara atau Nasional untuk membangkitkan keperluan menambah untuk Negeri Selangor yang agak besar dan melibatkan kawasan-kawasan tanah yang agak besar, saya faham soalan itu tetapi itu adalah pegawai *federal* yang ditempatkan di situ. Kuasanya juga di bawah bidang kuasa federal dan disahkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah di setiap negeri.

Untuk yang kedua berkenaan dengan tanah-tanah pertanian. Memang tanah pertanian biasanya dibenarkan untuk satu bangunan yang tidak melebihi setengah peratus atau sebahagian peratus daripada kawasan tanah tersebut 30%-40% tanah, 20% nya dibenarkan untuk bangunan dan apa cerita kalau banyak bangunan. Saya percaya kalau kita tak boleh tukar syarat sebab tak perlu pinda pindaan-pindaan baru atau polisi baru mereka boleh tukar syarat. Tukar syarat untuk kawasan bangunan namun biasalah dari tanah pertanian kepada bangunan ada *percentage* tertentu bagi premium-premium yang wajib, yang boleh dilaksanakan dan *value* tanah juga meningkat. Yang Berhormat Sijangkang kalau tukar *value* itu tidak ada ruginya, premium tertentu atau kenaikan tertentu sebab *value* nya juga meningkat dan kita mungkin boleh fikirkan polisi tertentu sebab sebelum ini caranya kita bagi satu ribu mungkin ini boleh sebahagian daripada kaedah-kaedah tersebut yang kita fikirkan dan *InsyaAllah* pihak pentadbir tanah di peringkat negeri akan melakukan perancangannya. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Jadual B.21 iaitu wang sejumlah RM12,119,285.64 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Satu Ratus Sembilan Belas Dua Ratus Lapan Puluh Lima dan Enam Puluh Empat Sen) untuk Kepala B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**.
Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.22- Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat. RM13,754,320.81 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Empat Ribu Tiga Ratus Dua Puluh dan Lapan Puluh Satu Sen).

TUAN PENGERUSI: Lembah Jaya.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh butiran 505000 Khidmat Pengurusan, Kod Objek 11000 Gaji dan Upahan. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang mengendalikan proses permohonan peruntukan bagi kawasan Lembah Jaya. Selama 26 bulan saya amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Perkara kedua, ialah pada bulan September saya telah menerima satu notis daripada Pejabat Daerah meminta kepada pejabat kami untuk mengemukakan permohonan lebih awal kerana menurut notis ini, izinkan saya bacakan

“ Bagi ADUN Parti Peribumi Bersatu Malaysia dan Parti Bebas akan diselaraskan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar mulai 1 Julai 2020 sehingga suatu tarikh yang akan diputuskan. Setiap permohonan peruntukan mesti dihantar lebih awal selewat-lewatnya 10hb setiap bulan, jika gagal berbuat demikian proses menguruskan permohonan akan menjadi lewat”.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan layanannya istimewa ini terhadap ADUN-ADUN PPBM dan juga Parti Bebas.

Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR : Yang Berhormat, ini adalah sebahagian daripada polisi, kita pernah dengar Warisan *Plus*, PH *Plus*. Selangor saya tak tahu nak sebutkan apa tetapi yang pentingnya ADUN-ADUN Bebas, bekas Pejuang eh bekas Pejuang pula, bekas PH, bekas BERSATU menjadi Pejuang telah menyatakan telah menyatakan iktikad untuk menyokong kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Selangor justeru sebahagian status adalah Bebas yang menyokong Kerajaan, dia bukan dalam plot *opposition*. Tapi masanya tidak bebas dan tindak tanduknya tidaklah bebas. Kita malahan Yang Berhormat sekalian, kita akan membuat tiga kaedah selepas ini, di mana kaedah ini adalah kaedah *opposition*, kita bagi peruntukan dulu kepada *opposition*. Ahli Bebas yang menyokong kerajaan dan sepenuhnya kerajaan. Dia ada tiga kategori..

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon penjelasan. Bagaimana Kerajaan Negeri mengukur menyokong tu?

Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR : Perakuan daripada pihak mereka secara individu dan surat kepada Kerajaan Negeri dan akuan daripada mereka dan kita anggap ini sebagai sokongan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri, kita ada 41 campur 44 lagi, menjadi 45 sekarang di bawah kalau dikira daripada situ, akuannya adalah pengakuan peribadi daripada setiap ahli dewan negeri yang mewakili mereka.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Mohon mencelah Tuan Speaker.

TUAN PENGERUSI: Eh Semenyih sudah lepas dah.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya ingin bertanya lagi sebab tindakan ini akan melewatkkan dari segi proses permohonan tersebut sebab sedia adapun dia mengambil dua minggu jadi tindakan untuk ini hanya kalau sekiranya Pejabat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh menjalankannya secara efisien maknanya serta-merta dapat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, untuk maklumat tersebut memang rekonfigurasi politiknya terpaksa kita menyusun semula pentadbiran itu biasa, namun begitu apabila kita telah memuktamadkan tiga kategori ini, semurni-murninya PH, PH yang tak PH itu yang keduanya, menyokong PH walaupun tidak sebahagian daripada PH dan yang ketiganya pembangkang yang kita aturkan melalui pejabat tanah dan daerah lah. Maknanya dah tidak ada dari Pejabat Menteri Besar tetapi buat sementara ini adalah Pejabat Menteri Besar untuk kita melalui sebelum kita siapkan daripada segi pentadbiran dan pengurusan. Itu sebenarnya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Kalau Kerajaan Negeri terbuka untuk menerima cadangan daripada pembangkang, saya ingin mencadangkan satu sistem yang sangat efisien yang saya dapati digunakan di peringkat persekutuan di mana peruntukan dikemukakan secara atas talian akan mendapat jawapan dalam tempoh satu atau dua hari kelulusan tersebut, jadi kalau kita bercakap tentang *digitalization* maka ini pendekatan yang sangat wajar .

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita akan ambil cadangan tersebut untuk hal tersebut sebab akhirnya dia akan merujuk kepada Pejabat Tanah dan Daerah jadi kita akan putuskan di Pejabat Tanah dan Daerah untuk mengaturkannya tapi sistem akan dibangunkan oleh pihak SSDU atau pun pihak berwajib bagaimana permohonan dibuat. Ini permohonan ICU jadi saya faham kalau nak rujuk kepada permohonan ICU yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Baik, Semenyih sudah terlepas tadi dah gulung, tadi dah terlepas kapal. Jadual B.22 - Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, RM13,754,320.81 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Empat Ribu Tiga Ratus Dua Puluh dan Lapan Puluh Satu Sen) untuk Kepala B.22 Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, sila kata **YA**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.23- Pejabat Daerah Tanah Sepang. RM10,764,270.77 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Empat Ribu Dua Ratus Tujuh Puluh dan Tujuh Puluh Tujuh Sen).

TUAN PENGERSI: Jadual B.23 iaitu wang sejumlah RM10,764,270.77 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Empat Ribu Dua Ratus Tujuh Puluh dan Tujuh Puluh Tujuh Sen) untuk Kepala B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.24- Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor. RM12,065,749.77 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Enam Puluh Lima Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Sembilan dan Tujuh Puluh Tujuh Sen).

TUAN PENGERSI: Jadual B.224 iaitu wang sejumlah RM12,065,749.77 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Enam Puluh Lima Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Sembilan dan Tujuh Puluh Tujuh Sen) Untuk Kepala B.24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.25- Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor. RM12,455,475.64 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Empat Ratus Lima Puluh Lima Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Lima dan Enam Puluh Empat Sen).

TUAN PENGERSI: Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Pengurus, saya merujuk kepada muka surat 173, Butiran Pembangunan Tanah 525000 Kod Objek 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang diberi. Saya ingin membangkitkan satu isu iaitu saya harap Pejabat Daerah boleh mewujudkan *task force* untuk penyelarasan tanah terutamanya bagi tanah di kawasan rintis TNB supaya tanah tersebut boleh dijadikan sebagai tempat atau disewakan sebagai tempat untuk penduduk membuat tanaman kontan, itu sahaja.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN PENGERSI: Pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, untuk bawah rintis TNB ini memang telah ada peraturannya iaitu LPS Lesen Pendudukan Sementara ataupun tanah Pemilikan Sementara di antara tiga tahun untuk tanaman kontan dan sebagainya namun sebagaimana di bawah rintis TNB akhirnya TNB yang harus memberikan kebenaran dan kebenaran itu harus dipohon di Pejabat Tanah Daerah. Ada lima kategori, tanaman kontan, stor lupa lah ada lima, *parking* kereta, *nursery*, ini antara perkara-perkara yang dibenarkan untuk dibenarkan dan ia adalah di bawah kuasa Pejabat Tanah dan Daerah maknanya tidak perlu kepada Kerajaan Negeri. Lain-lain kategori kena dibawa ke Mesyuarat MTES untuk kelulusan-kelulusan dan biasanya kita akan menilai mengikut kesesuaian. Tetapi akhirnya kata putusnya harus diputuskan antara perkara yang paling besar ialah TNB lah. TNB harus memberikan kebenaran, kalau TNB bagi kebenaran biasanya pejabat tanah dan daerah akan tengok tapi dia akan merujuk kadang-kadang ada dua atau tiga permohonan dan sebagainya. Tanaman kontan Yang Berhormat selalunya tidak ada masalah untuk diberikan kebenaran.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Pengersi, boleh saya mencelah?

TUAN PENGERSI : Saya tengah pandang Y.B. Semenyih kena bangun supaya menarik perhatian Speaker. Kalau Y. B. Semenyih lepas penggulungan jawab respons daripada kerajaan baru bangun, saya tidak benarkan. Maknanya kapal itu dah tertinggal ya. Faham ya? Kena ingat balik ya. Ok. Sangkut. Jadual B25 iaitu wang sejumlah RM12,455,475.64 untuk kepala B25 (Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor) menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **Ya**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **Tidak**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B26 (Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM12,990,225.12).

TUAN PENGERSI: Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih. Butiran program 505000 (Khidmat Pengurusan), kod objek 11000 (Gaji dan Upahan). Sehingga kini

TUAN PENGERSI: Muka surat?

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Muka surat 176. Sehingga kini, Pejabat Daerah dan Tanah masih membekukan peruntukan ADUN saya daripada bulan 8, 9 dan 10. Jadi saya ingin kepastian bilakah saya punya peruntukan boleh saya gunakan? Sudah bulan 11, hampir tutup bulan Disember. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Ada. Saya jawab ya? Ada lagi Sabak nak bangkitkan? Dia sebab sesuai dengan warna baju tu, dia ada tempoh kelabu kejap. Jadi kita pun kelabu. Jadi dah disahkan. Saya pun dah rujuk. Dia bukan merujuk kepada pejabat saya saja.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Tempoh *iddah* ke?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ini adalah tempoh *iddah* pun dah selesai. Jadi Pejabat Speaker sebenarnya sebab Pejabat Speaker yang mengesahkan status ADUN kerajaan dan kerajaan. *Insyallah* Isnin, sebelum subuh kita akan pastikan masuk.

TUAN PENGERUSI: Tahniah Sabak. Balik kepada Jadual B26 iaitu wang sejumlah RM12,990,225.12 untuk kepala B26 (Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam) menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **Ya**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **Tidak**.

Dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B27 (Jabatan Kehakiman dan Syariah RM37,111,342.36).

Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Y.B. Speaker.

Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker, Petaling tadi belum lagi kalau tak silap saya. Pejabat Tanah Gombak tadi.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Ok. Saya teruskan ya Speaker?

TUAN PENGERUSI : Teruskan Kota Anggerik.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Baik, terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker. Saya rujuk muka surat...

TUAN PENGERSI: Tuan Pengersi ya. Pengersi ya.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Pengersi. Terima kasih Tuan Pengersi. Saya rujuk muka surat 182 Vot B27 (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor) dan juga saya rujuk kepada siaran media yang baru-baru ini dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor bertarikh 3 November berkaitan dengan pendengaran kes secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Jadi kalau dirujuk kepada anggaran perbelanjaan ini menyebut peruntukan yang diberikan pada 2021 adalah RM37,111,342.36. Ada penurunan daripada yang tahun lepas. Cuma saya nak menarik perhatian Dewan, memandangkan tadi ada, saya sebut ada siaran media daripada JAKES ini berkaitan dengan prosedur baru sekarang ini di mahkamah. Bahkan di mahkamah sivil pun turut mengambil pendekatan yang sama memandangkan dalam tempoh PKP, mereka terpaksa mengurangkan pergerakan dan juga operasi di kompleks-kompleks kehakiman.

Cuma masalahnya bila PKP ini, mereka adapt kepada sistem atas talian yang mana yang saya dapat maklumat daripada Pengamal undang-undang dan juga pihak-pihak yang ada keperluan di mahkamah. Agak sukar kerana bila melibatkan perbicaraan atas talian ini memerlukan tambahan prasaranalah. Maksud dia mereka kena ada access komputer, perlu ada jaringan *internet* dan kebanyakannya lebih suka untuk hadir secara fizikal. Walau bagaimanapun yang saya dapat maklumat daripada pengamal undang-undang, di peringkat Mahkamah Sivil ada kemudahan yang lebih baik berbanding dengan Mahkamah Syariah.

Jadi apakah ada perancangan di pihak kerajaan negeri memandangkan kita bercakap untuk menjadi sebuah negeri pintar ulung dan ada satu agenda khas iaitu Agenda Digitalisasi Selangor. Apakah boleh dilibatkan sekali penambahbaikan dan juga tambahan kepada kemudahan prasarana ICT kepada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor untuk mereka menambah baik proses keadilan yang melibatkan masyarakat Islam di Negeri Selangor? Sebab sekarang ni banyak kes. Kalau dalam PKP ada kes orang stres, orang bergaduh, keganasan rumah tangga, pelbagai. Jadi apakah di pihak kerajaan negeri boleh memastikan perkara-perkara ini dapat dijamin supaya wujudnya keadilan proses ke alihan itu perlu maksudnya, perlu berada pada tahap yang dilihat memuaskan? Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Hulu Kelang. Pengersi?

TUAN PENGERSI: Taman Medan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian dengan merujuk kepada butiran kod objek pada 23000, muka surat 182 iaitu Perhubungan dan Utiliti. Saya ada buat rujukan tentang kemudahan komunikasi di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling di Subang Bestari. Saya dapat nombor perhubungan telefonnya masih menggunakan nombor telefon bimbit, tidak ada talian tetap dan pernah dicuba untuk dihubungi mahkamah tersebut untuk kemosyikilan dan pertanyaan urusan. Maka ketika itu kebetulan nombor itu dengan nada suara yang menyatakan bahawa *nombor yang anda hubungi, nombor yang anda dail tidak dapat dihubungi*. Jadi adakah nak tahu mahkamah syariah ni kalau tidak ada talian tetap saya pasti mungkin ada masalah-masalah lain yang berkait tentang access dari segi kemudahan *internet* yang mana akan menyukarkan pentadbiran dan juga menyukarkan urusan-urusan di antara keperluan untuk pelaksanaan tanggungjawab mahkamah tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi, terima kasih. Saya minta muka surat 182, butiran 541000 dan 20000 ya. Itu Perkhidmatan dan Bekalan. Di mana berkaitan dengan kes-kes perceraian, kes-kes nafkah dan yang tertangguh oleh kerana dalam PKP yang hari ini menjadikan kawalan pergerakan itu menyebabkan berlakunya SOP peraturan-peraturan baru tambahan yang sebanyak 73 muka. Dan daripada *feedback* sehingga kini kita dapat bahawa proses ini ada kebaikannya kerana ada kecenderungan, ada kecenderungan di kalangan pasangan. Dulunya pasangan yang nak bercerai, mempercepatkan pilihan *fast track*. *Fast track*. Proses cerai *fast track* elak wanita digantung tak bertali. Ini satu perkara yang agak baik. Mungkin sebab dia takut mati. Mana-mana pasangan mati. Inisiatif ini dilihat menggalakkan para suami bagi satu bekas suami, bagi satu perkahwinan yang telah pecah-belah selama itu. Tapi bila tempoh PKP ini dia menceraikan isterinya secara baik.

Dan begitu juga dengan *sulh* iaitu rundingan di antara kedua-dua pihak keluarga mungkin keterbukaan di adakan rundingan sesama mereka tanpa *solvation* yang *direct* daripada mahkamah. Ini juga didapati bahawa proses ini memudahkan perundingan dan ada yang nak kahwin cepat tu bolehlah kahwin cepat. Dan ada yang mengatakan kahwin pada zaman COVID ni pun satu *blessing*. *Blessing* nya sebab murah, kos tu tak payah tanggung kos mahal-mahal, kenduri tak payah besar-besar. Dia ada *parent* yang suka, ada yang *happy*, *Alhamdulillah* nasib baik buat masa ini, tak ada nak belanja banyak. Jadi itu ada kelebihannya.

Dan saya nak nyatakan sini daripada apa yang dilakukan di mahkamah syariah dilakukan pengajaran tentang undang-undang perkahwinan, perceraian ini melalui *webinar* dan ada kebaikan yang minatnya ada diikuti perkembangan orang yang

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

follow satu-satu seminar tentang perkahwinan, tentang perceraian itu dengan baik. Jadi saya nak mencadangkan di sini dengan peruntukan yang ada untuk *maintain* RM33 Juta ini keseluruhannya adalah bagaimana pengalaman dalam tempoh ini di dokumentasikan. Pengalaman dalam tempoh di dokumentasikan, di rekodkan dengan baik, di katalogkan dengan baik semoga kes-kes ini dapat dilihat dalam bentuk yang lebih tersusun pada masa-masa yang akan datang. Apakah yang menjadikan laki-laki ini nak mempercepatkan perceraian, nak percepatkan agar tidak berlaku tergantung tanpa tali ini, orang wanita. Wanita-wanita yang diabaikan ini. Dengan itu, saya harap peristiwa ini, *report* yang saya dapati daripada mahkamah syariah ini digunakan sebagai satu pengalaman untuk mewujudkan dokumentasi yang lebih baik. Terima kasih.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Taman Medan lagi.

TUAN PENGERUSI: Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Y.B. Speaker. Saya nak bertanya kepada muka surat 182 butiran program 541000, kod objek 29000 yang mana nak tanya berkaitan dengan bajet untuk menaik taraf sistem kepada Sistem *e-filing* yang mana pada ketika ini masih dilakukan secara manual dan tindakan ini amat perlu bagi saya kerana dalam keadaan sekarang ini, penggunaan *e-filing* ini amat penting untuk mempercepatkan proses dan memudahkan urusan pentadbiran dan juga perkara ini banyak menimbulkan rungutan daripada mereka yang terlibat. Tambah-tambahan lagi dalam tempoh PKPB ini yang saya rasa perkara ini amat perlu dipertimbangkan dan dilaksanakan dengan kadar segera. Sekian.

TUAN PENGERUSI: Taman Medan tadi dah lepas.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Erkk.. Tapi ada...

TUAN PENGERUSI: Tadi dia kena sekalikan, tak boleh dua kali.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Baik, terima kasih Pengerusi.

TUAN PENGERUSI: Pisang tidak berbuah dua kali. Yang lain?

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Tuan Pengerusi Dewan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN PENGERUSI: Ya, silakan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Dan yang berbahas bertanya soalan berkenaan dengan Jabatan Kehakiman Syariah ini. Yang pertama, berkaitan dengan pendengaran dalam talian yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah dan program ini telah pun berjalan melalui aplikasi *Skype*, *video call*, *Whatsapp*, telefon dan sepanjang tempoh PKP dan PKPB terdapat 4,965 kes yang telah direkodkan dan nampaknya masyarakat kita sudah semakin biasa dan selesa dengan perkhidmatan baru ini. Dan juga berkaitan dengan ..

TUAN PENGERUSI: Y.B. Sungai Kandis, sila duduk. Sambung nanti. *Mengko mengko sore. Sambung sore, sore.*

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Selalu kena hujung-hujung.

TUAN PENGERUSI: Mesti ke hujung, hujung, hujunglah. *Alon-alon, alon-alon.* Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 12 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa Pembekalan. Persilakan Yang Berhormat Sungai Kandis ini bagi masa lebih sikit.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengurus yang telah memberikan ruang masa untuk saya memberikan penjelasan lanjut berkenaan dengan soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli Dewan sebelum ini. Yang pertamanya berkenaan dengan program e-filing yang sekarang ini telah pun mula dilaksanakan di Jabatan Kehakiman Syariah namun begitu oleh sebab sepanjang PKP ini banyak program-program yang melibatkan e-filing ini, jadi sistem yang ada sekarang ini belum dinaiktaraf, jadi Inn Shaa Allah akan diajukan cadangan untuk penambahbaikan dan peningkatan sistem pada bajet tambahan akan datang. Kemudian cadangan yang lain daripada Taman Medan, Hulu Kelang untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Kehakiman Syariah kita ambil maklum Inn Shaa Allah akan dimasukkan juga dalam cadangan bajet tambahan

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

nanti dan seterusnya berkenaan dengan cadangan untuk mengadakan Webinar dan ini telah pun telah dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah PKP PKPB dan 8 siri Webinar telah dijalankan melalui Facebook *live* dan alhamdulillah, banyak maklum balas dan juga respons daripada masyarakat berkenaan dengan perjalanan mahkamah. Sebelum ini saya dimaklumkan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Pengerusi, mohon mencelah.

TUAN PENGERUSI : Ya ya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya apa tu memetik kes yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang sebelum tengah hari tadi berkaitan kes penceraian, saya harap juga Jabatan Kehakiman Syariah mengkaji kos prosiding berkaitan dengan penceraian yang saya dapatkan lebih tinggi berbanding Mahkamah Sivil. Jadi sekiranya dapat dikaji bagaimana kita boleh mengatasi kos yang tinggi ini supaya tidak membebankan kedua-dua belah pihak dalam kes penceraian ini.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Lembah Jaya yang telah menimbulkan isu ini dan saya akan bawa perkara ini ke pengetahuan pihak Jabatan Kehakiman Syariah untuk diperhalusi dan memang kita akui bahawa kadar permohonan untuk kes pembubaran perkahwinan sepanjang tempoh PKP dan PKPB ini bermula Mei 2020 hingga 4 November 2020. Jumlahnya ialah 5911 permohonan dan ini dianggap tinggi dan kita akan cuba untuk mengadakan beberapa program bagi menangani keadaan ini. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.27 – iaitu wang sejumlah RM37,111,342.36 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Juta Satu Ratus Sebelas Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Dua dan Tiga Puluh Enam Sen) untuk Kepala B.27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am), RM96,835,864.83 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Enam Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Enam Puluh Empat dan Lapan Puluh Tiga Sen).

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN PENGURUSI : Jadual B.29 – iaitu wang sejumlah RM96,835,864.83 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Enam Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Enam Puluh Empat dan Lapan Puluh Tiga Sen) untuk Kepala B.29 Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.30 – Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, RM2,013,739.81 (Ringgit Malaysia Dua Juta Tiga Belas Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Sembilan dan Lapan Puluh Satu Sen).

TUAN PENGURUSI : Jadual B.30 – iaitu wang sejumlah RM2,013,739.81 (Ringgit Malaysia Dua Juta Tiga Belas Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Sembilan dan Lapan Ratus Puluh Satu Sen) untuk Kepala B.30 Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jumlah Perbekalan, Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Lima Puluh Lapan Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Satu, Sembilan Ratus Enam Puluh Sembilan Ringgit dan Enam Belas Sen (RM2,258,191,969.16).

TUAN SPEAKER : Jumlah Perbekalan, Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Lima Puluh Lapan Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Satu, Sembilan Ratus Enam Puluh Sembilan Ringgit dan Enam Belas Sen (RM2,258,191,969.16) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN PENGURUSI : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN PENGERSI : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengersi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Pengersi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibaca Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2021. Urusan mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2020. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

TUAN SPEAKER : Silakan.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2020 yang telah dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas 3, Kelas 4, Kelas 7 dan Kelas 8. Bagi Kelas Ke 3, peruntukan telah berkurang daripada RM7,309,831.61 (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Tiga Ratus Sembilan Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Satu dan Enam Puluh Satu Sen) kepada RM6,647,877.63 (Ringgit Malaysia Enam Juta Enam Ratus Empat Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Tujuh dan Enam Puluh Tiga Sen) iaitu pengurangan sebanyak RM661,953.98 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Enam Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Lima Puluh Tiga dan Sembilan Puluh Lapan Sen). Pengurangan berkenaan adalah disebabkan pengiraan semula emolumen kakitangan tetap Pejabat Istana bagi menampung pertambahan perbelanjaan emolumen kakitangan kontrak di Kelas 4.

Bagi Kelas 4, peruntukan telah bertambah daripada RM15,214,568.20 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Dua Ratus Empat Belas Ribu Lima Ratus Enam Puluh Lapan dan Dua Puluh Sen) kepada RM16,143,593.22 iaitu peningkatan sebanyak RM929,025.02 (Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Dua Puluh Lima dan Dua Sen). Pertambahan ini diperlukan bagi peralatan serta kenaikan emolumen kakitangan kontrak Pejabat Istana bagi tahun 2021.

Bagi Kelas 7, peruntukan telah bertambah daripada RM1,160,799.79 (Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Enam Puluh Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Sembilan dan Tujuh Puluh Sembilan Sen) kepada RM1,462,499.79 (Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Enam Puluh Dua Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh Sembilan dan Tujuh Puluh Sembilan Sen) iaitu peningkatan sebanyak RM301,700.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Satu Ribu Tujuh Ratus) Tambahan ini adalah bertujuan untuk perbelanjaan emolumen kepada Ahli Dewan DiRaja (ADD) dan Orang Besar Daerah (OBD).

Bagi Kelas 8, peruntukan telah berkurang daripada RM492,830.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh) kepada RM389,640.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh Sembilan Ribu Enam Ratus Empat Puluh) iaitu pengurangan sebanyak RM103,190.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh). Pengurangan ini adalah bagi pelarasan di bawah Pentadbiran Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen DiRaja (Pindaan) 2020 dibaca kali kedua.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini dibahaskan. Kalau ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Hulu Kelang.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berbahagia Speaker Dewan Negeri Selangor, Sekinchan yang maha perkasa.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor ini kita nak tekankan dalam konteks ini bahawa kekuatan yang ada dalam negara yang berbentuk republik dan berbentuk persekutuan adalah adanya di sana Presiden yang tidak diimbangi mana-mana kuasa kecuali kuasa undi rakyat yang ramai berbanding dengan institusi persekutuan yang diketuai oleh, oleh Raja ataupun Mona, lelaki atau perempuan, Kota England, Sweden banyak negara-negara yang stabil termasuklah Norway dan Finland. Negara-negara ini hari ini ada mempunyai indeks *happiness*, *happiness* indek yang tinggi. Mereka negara-negara ini adalah mereka yang bahagia maju walaupun dari segi keagamaannya itu adalah *personal matter*, itu adalah satu perkara perlu kita kaji. Dia tidak menganggap bahawa sekularisme adalah bertujuan memisahkan urusan agama dengan pentadbiran kerajaan dengan negara. Dan itu mereka melalui satu fenomena pendamaian untuk menentukan agama mereka pada masa abad yang ke 16 dan 17. Mereka ada sejarah mereka sendiri tapi bagi kita kelebihan mereka berbanding kelebihan Britain berbanding Amerika dia punya kestabilan dari segi mona tambah-tambah apabila monarki mempunyai sumbang yang besar dalam pembangunan Great Britain. Nama Britain ialah United Kingdom of Britain Northern Ireland panjang nama dia. Kalau saya *check* ramai tuan-tuan tak boleh nak sebut. United Kingdom of the Great Britain and Northen Ireland itu nama dia dan Queen dia memerintah sejak 60 tahun yang lepas. Tua daripada kebanyakan daripada kita di sini. Dia adalah Queen Victoria yang sama-sama hebat dari segi sumbangan pembinaan kerajaan berparlimen yang mempunyai maharaja ataupun Queen ataupun King iaitu memberi sumbangan dalam pembangunan ekonomi. Cukai dibayar, cukai dibayar hasil di generate mereka berhak memiliki tanah dan *properties* tetapi mereka berlaku adil kepada rakyat. Setiap kali ada perayaan satu dunia nak tahu. Contohnya masa Queen Victoria masa mula-mula nak kahwin dahulu, nenek Queen Elizabeth satu Eropah datang hantar wakil untuk tengok perkahwinan dia. Itu pun mendatangkan pelancong dan ekonomi yang hebat pada tahun 1880an kemudian apabila Queen Elizabeth mempunyai cucu yang nak kahwin, perkahwinan itu generate *income* yang sungguh hebat dan dia adalah sumber kepada kedamaian sumber kepada pelbagai suasana di England dan di Britain tetapi orang boleh buat *joke* dengan dia contoh Mr.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Bean. Olympic bagaimana dengan James Bond sekali. Saya nak menggambarkan bahawa inilah sistem raja yang kita nak sistem di mana peruntukan yang di tentukan oleh rakyat dengan negeri atau negara pada raja dibawa ke dalam parlimen ataupun dibawa ke dewan negeri. Selama ini saya tidak begitu faham tapi apabila saya ikuti dia bentuknya sopan bentuk nya tidak menggambarkan *figure* itu ada situ tapi mengatakan turun naik turun naik. Adalah ditambah atau dikurang ini adalah satu keyakinan saya bahawa sistem monarki selagi mana ada dalam bentuk yang ada diimbangi untuk content demokrasi di Malaysia maka kita akan tidak akan mendapat kita akan dapat *check and balance* lebih tu daripada sistem Republik. Oleh kerana itu walaupun Obama di puji tapi pujian yang diberikan dunia pada Queen Elizabeth dalam mengimbangi kuasa parlimen, kuasa *the house*, kuasa eksekutif dan kuasa perlembagaan itu sangat di adili dan kita telah melalui peristiwa ini. Di mana peralihan kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat telah berlaku pada awal tahun kemudian penafian untuk kuasa pemerintahan itu mengisyiharkan darurat telah diimbangi oleh menolakkan yang DiPertuan Agung itu adalah satu kejayaan dan kita mesti menyokong usaha-usaha yang baik untuk mengimbangkan politik di negara kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima Kasih... Tuan Speaker saya mengambil bahagian dalam perbahasan tetapi perbahasan saya tidak panjang saya terpanggil dengan saya mendengar hujah perbahasan rakan saya dari Hulu Kelang di mana saya baru-baru ini saya baru saja menonton satu *movie* ye. Kerana musim mco ni ada banyak *movie* dekat Netflix. '*The King's Speech*' menceritakan tentang *King George 6* yang kalau saya tak silap george ye yang mentadbir United Kingdom, semasa perang dunia kedua dan cara beliau mengatasi apa ni kecacatan beliau dari segi percakapan penyampai dengan menyampaikan supaya menyampaikan satu ucapan yang menyatu padukan rakyat britain semasa perang dunia kedua untuk menghadapi serangan daripada NAZI. Saya rasa itu adalah satu peranan yang cukup memberangsangkan yang boleh dimainkan oleh raja sistem raja berperlembagaan bukan sahaja di Selangor tetapi diseluruh dunia. Saya kira disitulah lahirnya batu asas terhadap peranan dan fungsi sistem raja berperlembagaan ini dan saya berharap kerajaan perlu kita perlu sama-sama untuk mendukung sistem ini dan memastikan ia nya adalah satu sistem institusi yang mempunyai yang *living our culture* dengan izin a *living intuitions which you have a lot of positive impact on the life of people* yang memberi kesan positif cukup besar cukup menyumbangkan kepada raja dan juga kehidupan bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di semua negeri di Malaysia yang mempunyai sistem raja berperlembagaan termasuk juga apa yang berlaku di kerajaan persekutuan baru-baru ini di mana sistem ini main satu peranan yang sangat penting. Jadi Tuan Speaker sebelum ini saya pernah membangkitkan satu isu berkenaan dengan Istana Alam Shah yang ada di negeri kita saya kira ramai di kalangan kita pernah melawat atapun mengadap Tuanku di jemput

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

untuk hadir di panjang majlis kita bole lihat sebenarnya Istana itu adalah bangunan yang cukup indah dengan banyak apa ni banyak cenderamata yang diterima oleh Tuanku dan saya kira sebenarnya istana itu mempunyai satu makna yang sangat tersendiri di negeri Selangor. Saya mungkin apa yang dilakukan negara lain seperti *king of palace* di mana ianya boleh dibuka untuk dilawat oleh orang ramai saya mungkin menjalankan satu masa nanti Istana Alam Shah kita boleh dibuka pada orang ramai menjadikan sebagai satu tempat pelancongan yang boleh menjana keuntungan untuk negeri Selangor untuk kerajaan tetapi untuk pemantapan dan juga penyelenggaraan istana ini kerana saya lihat istana itu cukup tersergam indah bukan sahaja koleksi-koleksi daripada tuanku malahan sultan-sultan sebelum ini saya rasa ianya merupakan satu catatan sejarah pembangunan negeri Selangor . Saya rasa setiap kali saya masuk saya tidak akan lupa ambil gambar dengan apa ni artifak-artifak yang ada di situ. Saya rasa itu adalah satu tempat yang cukup penting bagi seluruh rakyat Selangor dan saya mengesyorkan kepada kerajaan untuk sama-sama dengan majlis diraja untuk tengok macam mana kita boleh membantu untuk membangunkan menjadikan tempat ini satu tempat pelancongan yang cukup menarik sekian sahaja saya menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kerajaan...nak respond?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Hulu Kelang dan juga Banting atas beberapa pandangan yang telah dikemukakan namun saya ingin maklumkan khusus pada Banting pada ketika ini kita sudah ada Sultan Abdul Aziz Royal Gallery ataupun Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz yang bertempat di Klang bersebelahan dengan Istana Alam Shah yang turut memamerkan beberapa artifak dan juga dapatan-dapatan yang boleh dijadikan rujukan dan jumlah pengunjungnya agak tinggi malahan dalam pelan pelancongan Kerajaan Negeri kita meletakkan lokaliti-lokaliti itu sebagai *Royal Heritage* dengan izin iaitu laluan yang boleh melihat bagaimanakah kesultanan dan juga Kerajaan Negeri ini dibangunkan dengan asas kesultanan dan kemudian berkembang selepas penjajahan sebagai *constitutional monarch* ataupun Kerajaan Raja Berperlembagaan apa yang disentuh oleh Hulu Kelang tadi sangat penting untuk ingatan kita malahan inilah iltizam dan tekad Ahli Dewan saya percaya dan saya sendiri selaku menteri besar dalam ucapan pertama sebaik menerima watikah selaku Menteri Besar kepada *public* dan kepada orang ramai menegaskan bahawa dalam beberapa krisis dalam negara kita. Krisis perlembagaan, krisis kedudukan raja-raja, hingga kepada pertukaran kerajaan yang terbaru. Fungsi dan kedudukan raja-raja sebagai *reference* akhir atau sumbangan terakhir malahan Bersih satu, dua, tiga, empat turut menghantar memorandum itu kepada Duli Yang Maha Mulia sebagai tanda rujukan kita apabila berlaku sesuatu pertikaian yang tidak berkesudahan walaupun kita ada mahkamah persekutuan yang boleh membincangkan hal tersebut. Justeru peruntukan-peruntukan ini sangat perlu dan wajar malahan kita lihat ada turun naiknya yang ada justifikasi pula. Malah kebertanggungjawapan itu sampai tahap justifikasi pertambahan pegawai

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

pengurangan pegawai pengurangan kos yang ditunjukkan tadi dan ini satu wajarnya kita berikan penghargaan kepada institusi raja-raja di Selangor ini yang telah menjaga dan memelihara perlombagaan *constitution* dan memelihara kedudukan itu dan inilah keunikan yang kita boleh rujuk bukan as a simbol sahaja tetapi *A World King Royal* dengan izin berfungsi malahan yang agak istimewa beberapa urusan tentang agama Islam dan juga tentang adat istiadat Melayu kalau tak sepenuhnya di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan perkara-perkara tersebut kita dapat menjamin apa yang dikatakan kesucian dan tidak mudah dipergunakan oleh mereka-mereka yang bertanggungjawab. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN PENGERUSI : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN PENGERSI : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Pengurus, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (pindaan) 2020. Aturan urusan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

TUAN SPEAKER : silakan..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen 2/1999 telah digubal dan diwartakan pada 20 Mei 1999 sebagai undang-undang yang mengawal dan mengatur perkara-kara yang berkaitan dengan pengurusan sumber air dan lembangan sungai di dalam Negeri Selangor. Enakmen 2/1999 ini digubal supaya Lembaga Air Selangor (LUAS) dapat menjalankan fungsi dan kuasanya dengan lancar di dalam mengurus

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

sumber air negeri secara bersepada, holistik dan mampan. Untuk pengetahuan Dewan yang Mulia ini juga, Enakmen 2/1999 ini tidak pernah dipinda sejak ia dikuatkuasakan selama lebih dua puluh (20) tahun dan keperluan untuk memindanya adalah mendesak bagi memastikan kepentingan sumber air dapat dilindungi dari aspek perundangan secara keseluruhan. Mutakhir ini kita sering berhadapan dengan masalah pencemaran sungai sehingga menyebabkan loji- loji rawatan air mentah terpaksa dihentikan operasinya. Menyedari ancaman kesan pencemaran terhadap sumber air dan demi memelihara kualitinya, adalah menjadi suatu keperluan yang mendesak kepada LUAS untuk mengkaji semula Enakmen tersebut dan membuat pindaan terutama sekali berkenaan dengan hukuman di bawah Seksyen 79 yang mengenakan denda yang terlalu rendah berbanding dengan kos-kos pembersihan yang perlu dibelanjakan untuk membersihkan kesan-kesan pencemaran tersebut. Yang Berhormat Tuan Speaker, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (pindaan) 2020 ini bertujuan untuk meminda beberapa seksyen dan memasukkan beberapa seksyen baharu ke dalam Enakmen sedia ada. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk menambahbaik peruntukan sedia dada supaya urus tadbir pengurusan dan pentadbiran LUAS menjadi lebih baik di samping dapat meningkatkan tindakan perundangan dan penguatkuasaan. Bagi memastikan pindaan terhadap Enakmen tersebut mencapai tujuan yang disasarkan , LUAS telah melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli-ahli akademik dari Universiti tempatan dan juga pihak industri dari pelbagai jenis sektor lain. Sesi libat urus ini adalah bagi mendapatkan pandangan dan cadangan berhubung dengan pindaan Enakmen tersebut yang kemudiannya telah dianalisis dan dimurnikan menjadi perkara dasar. Perkara-perkara dasar yang menjadi asas kepada pindaan yang telah dibuat terhadap Enakmen tersebut telah dikaji dari sudut perundangan dan penguatkuasaan oleh Jawatankuasa Semakan Semula Enakmen LUAS 1999 ataupun yang dikenali selepas ini, sebagai Jawatankuasa Semakan yang telah ditubuhkan berdasarkan daripada keputusan Lembaga LUAS Bilangan 3 Tahun 2019 iaitu pada 14 Mei 2019. Selain daripada pandangan dan cadangan daripada pihak berkepentingan yang telah disebutkan sebelum ini, pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri turut menyatakan keprihatinan mereka ke atas pencemaran sumber air. Jawatankuasa turut memohon supaya LUAS mengambil kira unsur pencemaran bau di dalam Seksyen 79 sedia ada dan juga menaikkan jumlah hukuman denda yang boleh dikenakan. Ini selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sewaktu sesi Pembukaan Sidang Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2019 Penggal Kedua 18 Mac tahun lalu.

Seterusnya, Jawatankuasa juga mencadangkan supaya had maksimum mengkompaun kesalahan dinaikkan daripada 1/4 kepada 1/2 daripada jumlah denda maksimum kesalahan itu. Cadangan-cadangan yang diterima daripada pihak Jawatankuasa Pilihan tersebut telah diambil kira di dalam pindaan ini sebagai beberapa penambahbaikan supaya ia dapat dikuatkuasakan kemudian. Tuan

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Speaker, pindaan-pindaan yang hendak dilakukan kepada Enakmen 2/1999 ini adalah seperti berikut:

1. Seksyen 11 Enakmen LUAS dipinda bagi mewujudkan Jawatankuasa Timbalan Pengarah yang pada masa ini tidak wujud di dalam LUAS. Ia bertujuan menggantikan perkataan mana-mana pegawai yang berkhidmat lain dalam Subseksyen 11(4) dengan perkataan sekian bilangan Timbalan Pengarah.
2. Seksyen 12 LUAS dipinda dengan memasukkan Subseksyen 12 (2) bagi memberi kuasa kepada Timbalan Pengarah untuk menjalankan fungsi Pengarah sekiranya Pengarah berada di luar Malaysia atau tidak berupaya menjalankan tugas atau sedang bercuti. Ini diperlukan bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran LUAS berjalan dengan lancar walaupun dalam ketiadaan Pengarah.
3. Subseksyen 24 (4), maafkan saya, Subseksyen 26 (4) Enakmen LUAS digantikan dengan Subseksyen baru bagi menambah bilangan anggota Jawatankuasa yang boleh dibayar elaun. Pemberian elaun ini bertujuan untuk mendapatkan penglibatan yang menyeluruh daripada pelbagai pihak yang berkepentingan agar dapat memberikan pandangan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan.
4. Pindaan kepada Subseksyen 41 (3) Enakmen 2/1999 untuk menambah baik prosedur pengeluaran arahan kepada mana-mana orang atau Pihak Berkuasa Awam bagi mengambil langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air selepas ini.
5. Seksyen 44 LUAS dipinda dengan menambah perenggan baru selepas perenggan 44 (1) (B) bertujuan untuk menambah kuasa LUAS bagi mengenakan caj terhadap lebihan pengambilan air daripada yang diluluskan di bawah perenggan 44 (1) (A) bagi lebihan air yang diambil melebihi had yang dibenarkan. LUAS berhak mengenakan caj tambahan ke atas lebihan air yang diambil tersebut. Perenggan baharu ini ditambah sebagai satu langkah kawalan ke atas penggunaan sumber air bagi mengelak pembaziran penggunaan sumber air.
6. Pindaan Seksyen 79 Enakmen ini juga bertujuan untuk memasukkan kesalahan pencemaran air yang disebabkan oleh bau dan rasa sebagai salah satu kesalahan di bawah Enakmen. Seksyen 79 Enakmen 2/1999 ataupun Enakmen ini juga dipinda dengan meluaskan peruntukan anggapan kepada tuan punya atau penghuni premis, pemilik kenderaan atau orang yang bertanggungjawab terhadap kenderaan daripada mana ke mana kemasukan

atau pelepasan itu berpunca. Pindaan Seksyen 79 LUAS turut dibuat untuk menaikkan jumlah denda daripada RM100,000.00 sebagaimana dinyatakan di dalam Subseksyen 79 (4) kepada denda minimum RM200,000.00 dan maksimum tidak melebihi RM1,000,000.00. Memandangkan kesalahan di bawah Seksyen 79 ini merupakan kesalahan yang berat, hukuman penjara telah dijadikan hukuman mandatori. Hukuman ini akan menjadi *deterrent factor*, dengan izin, bagi menghalang mana-mana pihak daripada melakukan apa-apa pencemaran ke atas sumber air.

7. Seterusnya, Seksyen 79 Enakmen ini dipinda, dengan memasukkan Subseksyen baru iaitu Subseksyen 79 (5) yang memperuntukkan hukuman tambahan ke atas mana-mana orang yang disabitkan, membayar kepada LUAS. Semua perbelanjaan yang dilakukan untuk membersihkan atau memulihkan apa-apa pencemaran oleh sebab kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 79 Enakmen tersebut. Seksyen ini juga dipinda dengan memasukkan beberapa Seksyen baru di dalamnya iaitu Seksyen 99 (A), 99 (B), 99 (C), 99 (D), 99 (E) dan juga 99 (F).
8. Seksyen 99 (A) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengarah atau Pegawai yang telah diberi kuasa olehnya, atau mana-mana Pegawai Polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor untuk menyita tanpa waran, apa harta benda yang semunasabahnya dipercayai mempunyai kaitan dengannya atau dapat memberi keterangan tentang perlakuan satu kesalahan di bawah Enakmen ini. Seksyen ini juga menerangkan berkenaan prosedur penyitaan antaranya adalah menyediakan Notis yang mengandungi senarai harta benda yang disita. Kaedah penyitaan notis dan keperluan untuk menyelak harta benda yang tidak munasabah untuk dipindahkan disebabkan oleh keadaan, saiz atau amaunnya. Dan kesalahan bagi mana-mana yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan pada harta benda yang disita.

Seksyen baru 99 (B), memperkatakan bahawa semua harta benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucut hak kan. Seksyen baru 99 (C), bertujuan untuk menerangkan tentang pelucutan hak jika berada pendakwaan. Di bawah Seksyen ini mahkamah boleh memerintahkan supaya harta benda yang disita dilucut hak kan walaupun tiada pertuduhan atau sabitan ke atas mana-mana pihak. Seksyen baru 99 (D) pula memperkatakan tentang pelucutan hak jika tiada pendakwaan atau tiada tuntutan dibuat mengenai dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh penyitaan dibuat. Sekiranya terdapat tuntutan ke atas harta benda disita, tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada mahkamah. Seksyen ini juga menjelaskan bahawa harta, walaupun harta benda tersebut dilucutkan, dilucut hak kan, ia tidak menghalang apa-apa pendakwaan dibuat berkenaan kesalahan tersebut. Seksyen baru 99 (E), bertujuan untuk

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

mengadakan peruntukan bagi menuntut apa-apa kos yang ditanggung oleh LUAS untuk memegang harta benda yang disita itu. Seksyen baru 99 (F), memperuntukkan bahawa tiada seorang pun berhak untuk menuntut apa-apa ganti rugi berbangkit daripada penyitaan harta benda tersebut melainkan jika penyitaan tersebut dibuat tanpa sebab yang munasabah.

9. Seksyen 104 Enakmen ini dipinda untuk memberi kuasa kepada LUAS membayar ganjaran kepada pemberi maklumat berkenaan pengesahan kesalahan di bawah Enakmen tersebut. Bayaran ganjaran ini adalah merupakan suatu insentif yang sekali gus menggalakkan masyarakat umum untuk tampil memberikan maklumat berkenaan apa-apa kesalahan yang berkait dengan pencemaran sumber air.
10. Seterusnya Seksyen 112, Enakmen ini dipinda bertujuan menaikkan nilai kompaun dengan lebih tinggi iaitu sebanyak 50% daripada jumlah denda maksima bagi kesalahan itu. Pindaan ini memasukkan keperluan mendapatkan izin daripada Pendakwa Raya sebelum mengkompaun apa-apa kesalahan selaras dengan Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan.
11. Seksyen 125 Enakmen ini juga dipinda bagi meluaskan skop perlindungan kepada Ahli-ahli Lembaga dan Ahli-ahli Jawatankuasa ditubuhkan daripada segi tanggungan peribadi.

Sekiranya keputusan oleh LUAS memberikan implikasi kepada mana-mana pihak yang berkenaan. Setelah beberapa episod berlakunya pencemaran, setelah Kerajaan Negeri mengaktifkan sesi lawatan dan juga pemantauan dalam tempoh 24 jam, tidak kurang daripada lima (5) kejadian termasuk kejadian yang berlaku pagi tadi. Yang terletak 17 km daripada Loji Rawatan Air di Linggi yang boleh menyebabkan pemberhentian tugas walaupun ia disebabkan oleh kemalangan jalan raya dan tumpahan minyak. Banyak perkara yang telah dilakukan oleh LUAS yang menghalang daripada pemberhentian tugas berlaku namun kadangkala, dalam keadaan-keadaan tertentu seperti keadaan bau, dan juga keterhadan kuasa yang ada dalam Enakmen yang diberikan kepada LUAS sebelum ini telah menghalang kita untuk mengambil tindakan yang tegas ataupun melakukan tindakan *deterrent*, dengan izin, mengelakkan orang dan menakutkan orang daripada melakukan kesalahan. Justeru, saya bentangkan Rang Undang-Undang ini, atau pindaan ini sekali gus untuk memastikan kelestarian sumber air di Negeri Selangor dijamin dengan lebih baik pada masa hadapan. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Sekiranya ada. Ada ya? Subang Jaya, silakan.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Undang-undang memainkan pelbagai peranan. Dalam konteks perbahasan pada hari ini, pindaan Enakmen LUAS yang dikemukakan akan mempunyai peranan menghukum dan yang paling penting mencegah tabiat mencemar sungai yang semakin berleluasa di kalangan masyarakat kita. Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak 2018, Negeri Selangor telah mengalami henti tugas Loji Rawatan Air sebanyak sembilan (9) kali akibat pencemaran. Semasa sidang Dewan 2019, Subang Jaya telah membawa satu (1) Usul untuk menggesa Kerajaan Selangor untuk menubuhkan satu (1) Jawatankuasa dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan tanpa takut atau memihak dan untuk melakukan semua yang wajar untuk memastikan pencemaran sungai terutamanya di kawasan hulu Loji Rawatan Air tidak berlaku lagi. Pada sidang Dewan Mac 2020, Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai sumber air Negeri Selangor ditubuhkan. Pada sidang Dewan Julai 2020, Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Selangor telah membentangkan Penyata Pertamanya iaitu berkenaan pencemaran sumber air sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual Loji-loji Rawatan Air. Semasa sesi penggulungan kepada Penyata yang dibentangkan, Yang Berhormat Kajang telah memaklumkan bahawa pada masa itu Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Semula Enakmen LUAS 1999 telah pun bersetuju supaya jumlah denda bagi kesalahan berkaitan pencemaran sumber air dinaikkan daripada RM100,000.00 kepada RM500,000.00 dan terdapat juga cadangan untuk meletakkan had minimum denda dan hukuman penjara. Sebaik selepas pemakluman tersebut, JPKSAS telah pada 11 Ogos 2020 berkenaan pindaan Enakmen LUAS mengadakan satu pendengaran yang dihadiri oleh LUAS, Air Selangor dan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor. Hasil pendengaran tersebut, termaktub dalam Penyata Jawatankuasa berhubung kepada pindaan Enakmen LUAS yang Subang Jaya percaya telah diterima oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang dinyatakan dalam Penyata tersebut, JPKSAS menuntut enam (6) pindaan iaitu:

1. Kenaikan denda maksimum sehingga RM1,000,000.00.
2. Hukuman penjara mandatori.
3. Denda minima RM200,000.00
4. Pencemaran bau dinyatakan sebagai kesalahan nyata.
5. Supaya pesalah wajib membayar semua kos akibat pencemaran kepada agensi-agensi berkenaan
6. Menaikkan jumlah kompaun dari 1/4 kepada 1/2 jumlah denda yang ditetapkan untuk kesalahan itu.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Berkenaan saranan-saranan tersebut Subang Jaya amat berbesar hati kerana semua cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas diambil kira dan dirangkumi dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kesan hukuman yang dipinda adalah seperti berikut, apabila seseorang didapati bersalah kerana telah mencemar sungai, mahkamah perlu mewajibkan pesalah membayar semua kos pembersihan dan denda sekurang-kurangnya sebanyak RM200,000.00 dan hukuman penjara. Subang Jaya berpandangan bahawa, hukuman sebegini setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, memandangkan betapa besarnya kesan pencemaran sungai kepada rakyat jelata terutamanya apabila berlaku pemberhentian Loji Rawatan Air. Dalam keadaan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Speaker. Boleh mencelah? Boleh mencelah?

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Subang Jaya sebut tadi, hukuman setimpal dengan kesalahan yang dibuat. Bagaimana dengan pengguna-pengguna air yang terjejas disebabkan bekalan air terhenti? Berapa juta pemegang, apa tu, pengguna air yang terjejas? Bagaimana kita memberi keadilan kepada mereka?

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Ya, terima kasih Yang Berhormat Lembah Jaya. Sebenarnya, saya tahu perasaan Yang Berhormat Lembah Jaya saya sendiri terkesan dengan semua gangguan Loji Rawatan Air. Saya dalam Subang Jaya pasti akan terjejas. Sembilan (9) kali, sembilan (9) kali saya terkena ya, so bila saya turun padang untuk agihkan air saya memang dapat rasa kesusahan rakyat itu sebabnya saya rasa bahawa pindaan undang-undang ini amat diperlukan supaya hukumannya setimpal. Supaya mereka dibawa ke muka pengadilan. Bagi saya sedikit masa lagi saya akan menghuraikan mengapa. Saya teruskan. Saya rasa bahawa hukuman yang akan diberi adalah setimpal dengan pindaan yang telah dikemukakan. Dalam keadaan di mana loji tidak perlu di henti tugas hukuman sebegini masih diperlukan. Sebagai pengajaran dan sebagai langkah pencegahan. Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya pengenaan hukuman pelbagai untuk satu kesalahan bukan perkara yang baru. Sebagai rujukan bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan bawah Seksyen 23 menyatakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10 ribu mengikut mana-mana yang tinggi. Hukuman penjara dan denda untuk kesalahan tersebut dikenakan bersama-sama. Selain itu, menurut Akta Pengangkutan Jalan 1987 kesalahan memandu secara melulu dan membahayakan bawah Seksyen 42 mempunyai hukuman penjara selama tempoh

tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak kurang daripada RM5 ribu dan tidak melebihi daripada RM15 ribu. Contoh ini dirujuk kerana pesalah bukan sahaja akan dikenakan denda dan hukuman penjara tetapi seperti apa yang dihuraikan dalam pindaan enakmen LUAS pada hari ini denda minimum juga dinyatakan. Ahli-Ahli Yang Berhormat keperluan denda minimum mempunyai logiknya. Semasa pendengaran yang diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Sumber Air Selangor pada 19 dan 21 Mei 2020 berkenaan pencemaran Jawatankuasa mendapat maklumat bahawa denda paling tinggi yang diturun oleh mahkamah yang bijaksana untuk kesalahan pencemaran sungai adalah antara RM10 ribu sehingga RM75 ribu. Dalam pandangan peribadi Subang Jaya, hukuman yang dikenakan adalah terlalu ringan. Walau bagaimanapun hakikatnya adalah hukuman yang dikenakan adalah sah di sisi undang-undang sedia ada sekiranya sesuatu denda minimum tidak dinyatakan. Secara teori mahkamah juga boleh menurunkan hukuman sebanyak RM1000.00 ataupun RM1.00 dan ia masih akan sah di sisi undang-undang kalau tiada denda yang minimum. Oleh itu Ahli-Ahli Yang Berhormat ia adalah penting untuk kami sebagai badan legislatif menetapkan secara dasar dan dengan jelas berkenaan betapa berat dan jenis hukuman yang wajar dikenakan untuk kesalahan-kesalahan berkenaan atas sebab yang dinyatakan denda minimum sebanyak RM200 ribu amat dialu-alukan. Berkenaan peningkatan denda kepada RM1 juta pula, pindaan ini diperlukan untuk memastikan Seksyen 79 enakmen LUAS kekal relevan dan pendakwaan ke mahkamah kekal sebagai pilihan realistik. Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa gangguan air yang berlaku pada bulan September 2020 seluruh rakyat Selangor meluahkan perasaan kecewa kerana difahamkan bahawa pesalah dalam kejadian tersebut berkemungkinan adalah pesalah berulang yang pernah mencemar sungai semasa bulan Mac 2020. Untuk kejadian Mac pula berita mendedahkan bahawa pesalah tersebut hanya dikenakan kompaun RM60 ribu. Ahli-Ahli Yang Berhormat inilah maksud Subang Jaya berkenaan betapa pentingnya denda perlu dinaikkan. Sebagai sebuah agensi jika saya tahu bahawa hukuman yang akan diturunkan oleh mahkamah adalah antara RM10 ribu sehingga RM75 ribu pilihan yang lebih baik adalah untuk mengeluarkan kompaun sebanyak RM60 ribu mengapa agensi tersebut boleh mengawal jumlah yang akan dikenakan ini juga dapat mengelak ketidakpastian prosiding mahkamah selain itu pengeluaran kompaun dapat menjimatkan kos dan juga sumber manusia kerana proses mahkamah akan menelan sejumlah kos di samping mengambil masa sekurang-kurangnya 9 bulan sehingga beberapa tahun untuk menyelesaikan kes tersebut. Dengan peningkatan denda, dan adanya denda minimum pendakwaan mahkamah menjadi satu *option* yang realistik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Subang Jaya berharap dengan pindaan ini bidang kuasa LUAS dapat di perkasa. Dengan adanya kuasa sebegini ia juga menjadi amanah dan tanggungjawab kami untuk memastikan kuasa tersebut digunakan dengan sepenuhnya dan sebaiknya untuk mencapai objektif yang diingini iaitu untuk menghapuskan sepenuhnya masalah pencemaran sungai. Sebagai pengakhiran Subang Jaya berharap juga sebagai susulan kepada pindaan enakmen LUAS peraturan-peraturan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar Negeri Selangor

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

2012 juga dipinda dan diselaraskan dengan kuasa sepenuhnya bawah Seksyen 59 iaitu kuasa untuk mengeluarkan lesen.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya difahamkan bahawa buat masa sekarang peraturan-peraturan tersebut hanya menyatakan perimeter bagi 7 jenis aktiviti sahaja. Tindakan sebegitu untuk mengehadkan bidang kuasa Seksyen 59 adalah pada pandangan peribadi saya tidak wajar memandangkan Seksyen 59 (1)(b) jelas memberikan kuasa yang luas dengan menyatakan bahawa tiada seorang pun kecuali dilesenkan oleh LUAS. Boleh menjalankan pembuangan kumbah atau bahawa buangan atau air kembali secara langsung atau tidak langsung ke dalam mana-mana sumber air. Secara ringkas semua bahan kumbah atau bahan buangan ke dalam sumber air jatuh bawah bidang kuasa LUAS. Oleh itu kuasa yang begitu luas diamanahkan agensi berkenaan wajib menggunakan yang sama dengan sepenuhnya untuk merealisasikan kuasa tersebut iaitu untuk menjamin kebersihan dan keselamatan sumber air demi kesihatan dan kebaikan semua rakyat di negeri Selangor. Tuan Speaker, dengan ini Subang Jaya menyokong. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting nak juga?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Iya. Terima kasih. Singkat sahaja. Saya menyokong pembentangan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan dengan Pindaan Rang Undang-Undang pindaan ini di mana saya menyokong apa yang disarankan oleh kerajaan secara umumnya Tuan Speaker pindaan-pindaan yang dicadangkan merupakan pindaan yang terlalu lama ditunggu-tunggu oleh rakyat Negeri Selangor. Salah satu ciri besar atau utama dalam Rang Undang-Undang Pindaan ini ialah di mana bukan sahaja takrifan terhadap pencemaran, bahan pencemar dan sebagainya diperluas tetapi dari segi hukuman ia telah pun dipertingkatkan dan dalam hukuman ini kita tertarik dengan cadangan terhadap pindaan seksyen 79 (1) yang berkaitan dengan hukuman penjara di mana hukuman penjara sekarang ini merupakan satu bentuk hukuman mandatori iaitu perkataan tahan ada di situ. Yang Berhormat Subang Jaya saya baca dengan betul tahan maksudnya selain daripada hukuman fine atau denda akan juga diiringi dengan hukuman penjara maksimum 3 tahun. Ini menjadikan keseluruhan salah laku ini merupakan satu bentuk salah laku jenayah. Apatah lagi dengan kemasukan seksyen 99 (a)(b)(c)(d)(e) dan (f) yang memberikan kuasa dalam bahasa Inggeris dengan izin *powers of entry search and seizure* ini seolah-olah sama dengan peruntukan di bawah kanun keseksaan yang menjadikannya kelihatan lebih kepada satu bentuk kesalahan jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman penjara. Jadi saya mengambil yang baik kesemua cadangan yang dibentangkan namun begitu ada juga perkara yang saya rasa kita perlu tengok dengan betul iaitu apa sahaja yang dibentangkan di dalam mahkamah apa yang paling penting adalah keterangan, kekuatan keterangan yang ada dalam satu kes pendakwaan itu.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Dalam sesi soal jawab atau perbahasan sebelum ini kita pernah berkali-kali dengar dah penjelasan daripada Kerajaan Negeri bukan semua kes kita boleh menang. Kata kes juga kita kenakan kerana gagal. Kita telah gagal kerana ini adalah kes jenayah di mana beban pembuktian itu adalah sangat tinggi, *beyond reasonable doubt*. Iaitu kekuatan pembuktian itu adalah pada pihak kerajaan dan ia perlulah melebihi 90% kalau saya tak silap 90% perlulah mencapai kebarangkalian menang, 90% ke atas baru boleh didakwa ke mahkamah. Jadi pada didakwa ke mahkamah dibawa oleh pendakwa raya dan kemudian ditentukan sebagai pesalah. Jadi itu adalah satu cabaran kepada pihak kerajaan iaitu pihak penguat kuasa iaitu Lembaga Urus Air Selangor. *How strong is the evidence that we can collect to prove the guilt of the offences is also another creature.* Oleh sebab itu kita ada banyak *presumption* dalam enakmen ini saya baca sebenarnya dalam kes ini kita juga ada masukkan satu andaian ataupun *presumption* di bawah Seksyen 79 (2) yang mana itu adalah sesuatu yang dianggap boleh membantu penguat kuasa dalam menjalankan tugas iaitu sekiranya kita mendapati ada bahan pencemar di sebuah premis atau tempat atau sebagainya pemilik itu didakwa akan dianggap sebagai melakukan kesalahan di bawah enakmen ini. Jadi kita perlu memerlukan *presumption* ini hakikatnya ialah kes ini saya tak pasti sama ada ia akan dibawa ke mahkamah. Mungkin akan dicabar di mahkamah dan mahkamah akan buat keputusan yang mungkin tidak memihak kepada kita. Jadi saya rasa tugas kita belum lagi selesai sebagai wakil rakyat, sebagai pengubah undang-undang dan juga sama-sama dengan Penasihat Undang-Undang Negeri kita perlu sentiasa mengikuti perkembangan pindaan-pindaan yang kita masukkan dalam enakmen ini untuk memastikan sekiranya ada keputusan kes yang menidakkannya kelemahan ini dan kita perlu bertindak pantas untuk memperbetulkannya dengan pindaan-pindaan baru yang membolehkan kerajaan menjalankan tugasnya dengan sempurna. Harus juga dibangkitkan satu isu Tuan Speaker, kalau saya tak silap pernah ada satu kes di mana ada pesalah dia melarikan diri ke Republik Rakyat China. Ada satu kes kan?. Dia boleh melarikan diri jadi saya juga menggesa untuk mengukur sekiranya hakim nak buat interpretasi terhadap apa tujuan dewan menggubal undang-undang ini atau masukkan pindaan ini kita harus *to send correct signal to everybody*. Kita membuat pindaan ini adalah untuk memastikan pesalah itu walaupun dia belum lagi dibuktikan sebagai salah mereka tidak ada ruang untuk melarikan diri. Jadi saya menggesa supaya mungkin dari segi kanun keseksaan ataupun apa-apa prosedur jenayah yang ada supaya dalam kita menguatkuaskan undang-undang di bawah enakmen ini kebarangkalian atau kemungkinan perkara ini berlaku bolehlah diminimumkan. Saya tidak boleh kata ia boleh dikurangkan tapi ia perlu diminimumkan dan sudah pasti andaian saya ada menyebut tentang andaikan kita juga harus kaji terhadap Akta Keterangan Seksyen 114 ataupun iaitu bahagian berkenaan dengan *presumption* maknanya kita harus juga memastikan mana-mana andaian yang ada dalam enakmen ini walaupun kita tidak meminda memastikan *everything is a prototype*. *There will be no look whole, there can be abused by a defence* untuk menggagalkan proses pendakwaan di mahkamah dengan menggunakan ruang yang ada di bawah Seksyen 114 Akta Keterangan ini.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Dia ada banyak *assumption* pengecualian kalau dia gunakan pengecualian ini untuk melepaskan tuduhan saya rasa itu adalah sesuatu perkara yang sangat cukup malang bagi kita. Jadi saya tidak berharap perkara ini boleh berlaku jadi untuk itu tak apa kita mula dengan langkah pertama. Selepas ini sekiranya ada perkara baru di dalam mahkamah ada perbicaraan dan sebagainya maka saya menyeru pada kerajaan untuk bincang dan kembali ke dewan yang mulia ini untuk membuat cadangan pindaan sekiranya perlu. Itu sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi pihak Sungai Panjang semestinya pindaan Rang Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor ini adalah seperti mana yang telah diterangkan dan juga dibahaskan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi ini adalah suatu undang-undang yang memang ditunggu-tunggu dan dinanti-nantikan untuk dipertingkatkan penguatkuasaannya khususnya daripada segi pindaan tentang kesalahan. Saya tak berhasrat untuk berhujah ataupun berbahas panjang kerana daripada segi hasrat dan juga niat pindaan undang-undang ini telah pun dijelaskan oleh rakan Yang Berhormat saya daripada Subang Jaya tapi mungkin ada beberapa perkara yang pihak kerajaan perlu ambil kira di dalam pertimbangan yang juga menentukan pelaksanaan dan juga operasi akta ataupun Enakmen ini selepas ia dikuatkuasakan nanti. Yang pertamanya berkenaan dengan pindaan Seksyen 26 yang mana di dalam pindaan Seksyen 26 (4) ini Akta ataupun Enakmen sebelum ini menyatakan ada 12 orang yang dilantik dan juga dipinda kepada beberapa orang anggota yang boleh dibayar dengan elauan yang ditentukan oleh Lembaga dan juga kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Jadi kita harap di dalam Majlis ini atau pun di dalam Persidangan ini boleh ditentukan secara prinsip atau secara dasarnya. Siapakah beberapa orang ini kerana tak ditetapkan maksimumnya dulu 12 ni dia bebas boleh lantik mungkin sampai 20, 30 orang kalau mengikut takrifan atau pun akta ini jadi kita harap pelantikan atau pun menentukan siapa yang menganggotai suatu jawatankuasa ini ianya juga adalah jawatankuasa yang diberikan emolumen atau pun elauan dalam akta ini kita harap mereka yang kita lantik ini benar-benar boleh membantu dan memberikan sumbang saran terhadap satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta atau pun Enakmen. Kita harap juga ianya akan menjadi satu jawatankuasa yang terbaik khususnya daripada mereka yang profesional mereka yang terlibat secara langsung di dalam operasi atau pun yang mengendalikan pencemaran urusan air dan sebagainya. Yang kedua yang saya ingin bangkitkan dan juga ingin ketengahkan tentang pindaan Seksyen 79 yang mana sememangnya kita menyokong peningkatan daripada segi hukuman sebelum ini hukumannya adalah terbentuk denda atau penjara jadi kita telah menukar hukumannya penjara wajib iaitu selama tempoh di Subseksyen (4) mana-mana orang yang melalukan kesalahan di bawah seksyen ini dan apabila disabitkan hendaklah di hukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan didenda tidak kurang daripada 200,000 ringgit dan tidak melebihi satu

juta ringgit ini adalah satu peningkatan dan kita tahu hasrat sesuatu undang-undang ini digubal adalah untuk memberikan satu pengajaran kepada pihak awam dan juga menjadi satu pengajaran kepada mereka yang telah melakukan kesalahan tetapi di dalam undang-undang jni kita tahu hasratnya adalah untuk mewajibkan hukuman penjara tetapi hukuman penjara yang lazimnya ditetapkan oleh mahkamah apabila melihat daripada segi struktur ayat ini penjara selama tempoh tidak melebih tiga tahun boleh jadi penjara itu satu hari dua hari, hukuman penjara itu termasuk dengan hukuman denda yang paling rendah 200,000 atau pun boleh sehingga sampai 1juta jadi saya syorkan jika benar-benar untuk kita memberikan satu isyarat yang jelas kepada *public* atau pun kepada orang awam di luar sana, khususnya yang mengendalikan industri dan juga sebagainya ini supaya kita pertingkatkan undang-undang kalau berlaku kesalahan kedua bagaimana sekiranya orang yang sama atau pun pihak yang sama melakukan kesalahan kedua adakah ianya akan melalui proses yang sama boleh juga penjara satu hari kenapa tidak kalau tidak kita masukkan Subseksyen lain sebagai contoh Subseksyen adalah hukuman tambahan selain daripada penjara wajib tadi mungkin mahkamah boleh bagi sehari, dua hari, setahun, dua tahun sebab minimum, maksimum dia adalah tiga tahun, jadi selain daripada dia kena menanggung bayaran-bayaran perbelanjaan yang dilakukan oleh lembaga jadi kalau ianya berlaku kesalahan kedua wajib penjara satu tahun, wajib penjara dan sebagainya mungkin ini boleh difikirkan atau pun dimasukkan sebagai isyarat yang jelas di luar sana bahawa Kerajaan Negeri Selangor atau pun Dewan Negeri Selangor sebagai penggubal undang-undang tertinggi di peringkat negeri memang serius untuk nak menangani perkara ini dan juga memastikan supaya ianya tidak terus berlaku dan boleh orang ambil kesempatan saya setuju juga dengan pandangan daripada Yang Berhormat Banting, kita tahu operasi atau pun pelaksanaan undang-undang ini melibatkan akta-akta yang lain termasuklah akta keterangan tetapi kita mesti juga memberikan ruang supaya mereka yang didakwa ini boleh diadili seadil-adilnya di mahkamah dengan operasi atau pun dengan izin *operation of under instrument* yang lain akta yang lain yang berlangsung jadi ini mesti diberikan ruang juga dan hasrat saya juga ingin membangkitkan tentang hasrat dan niat di Seksyen (5) kerana di dalam Subseksyen (5) tambahan Subseksyen (4) menyatakan bahawa mana-mana yang disabitkan hendaklah membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh lembaga untuk membaiki atau memulihkan apa-apa pencemaran oleh sebab kesalahan di bawah seksyen ini jadi dewan yang mulia ini juga perlu meletakkan satu tanda aras supaya memudahkan pihak kehakiman dan juga pihak mahkamah untuk menentukan apakah bentuk bayaran yang perlu ditanggung oleh yang disabitkan kesalahan yang boleh ditakrifkan sebagai kos membaiki dan juga memulihkan adakah ianya ada melibatkan hanya tertumpu pada kos pembersihan atau pun kos-kos yang selainnya ditanggung sama ada oleh kerajaan atau pun oleh pihak lembaga jadi ini perlu juga dijelaskan di dalam dewan ini secara peringkat dasar dan juga peringkat yang boleh membantu pihak di luar sana termasuk pihak mahkamah pihak yang menjalankan keadilan undang-undang di luar sana termasuk peguam dan sebagainya supaya ia jelas

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker, boleh?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya berikan celahan kepada Yang Berhormat Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Berkaitan kos-kos yang ditanggung tadi disebutkan oleh Sungai panjang sama ada kos yang ditanggung oleh LUAS atau pun Kerajaan Negeri tetapi bagaimana pula kos-kos yang terpaksa di tanggung oleh Air Selangor yang menggunakan jenteranya untuk memberikan servis air dan sebagainya adakah ini juga mungkin boleh dipertimbangkan, terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Ya, saya juga bersetuju seperti mana yang saya masuk dalam *point* perbahasan saya sebentar tadi mesti jelas kos ini kos siapa adakah kos yang khusus yang telah dikeluarkan secara nyata oleh LUAS atau pun termasuk dikeluarkan Kerajaan melalui mungkin jawatankuasa mungkin melalui Pejabat Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar atau sebagainya adakah termasuk dalam kos membaiki dan juga memulihkan dan saya juga mungkin saya tak sempat *go thru* atau pun tengok semua Enakmen Lembaga Urus Air Selangor ini kalau saya lihat di dalam ini takrifannya masih lagi kepada Jabatan Bekalan Air Selangor di mana Jabatan Bekalan Air Selangor ini dah tak wujud lagi tapi perkataan itu masih ada lagi di dalam Enakmen ini dan wajar juga sebenarnya perkataan itu ditukarkan kepada Air Selangor atau pun ada *saving clause* yang lain mana-mana jabatan atau pun mana-mana badan yang menguruskan bekalan air Selangor mungkin itu lebih jelas supaya mengelakkan ada perbahasan atau pun hujahan yang lain berkenaan dengan takrifan dan sebagainya apabila Enakmen ini hendak dilaksanakan sepenuhnya selepas diwartakan. Saya rasa setakat itu dulu Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik Sungai Panjang, Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ringkas sahaja saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Panjang, agar kerajaan Negeri menetapkan satu had minimum untuk penjara, hukuman penjara mandatori kerana kita nak hantar satu isyarat bahawa ini satu kesalahan itu yang pertama, tapi yang keduanya saya ingin merujuk kepada Seksyen (79) Subseksyen (5) di sini saya ingin cadangkan selain orang yang disabitkan membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh lembaga saya ingin mencadangkan supaya ada penambahan bayaran *charge* kerugian kepada kerajaan Negeri Selangor atau pun kepada Air Selangor kita selalu dengar bahawa peruntukan terhad untuk kerja-kerja penggantian paip atau pun pembaiki penambahbaikan loji-loji air saya cadangkan kita tambahkan satu *charge* supaya dapat dimasukkan di dalam satu tabung dan dapat digunakan untuk mempercepatkan kerja penaiktarafan sistem air Selangor itu sahaja daripada saya, terima kasih Tuan Speaker.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian di sini mengingatkan kita sebagai penggubal undang-undang pada saat kita telah mengadakan satu kita membuat keputusan yang besar yang akan dipertanggungjawabkan oleh rakyat oleh agama kita dan oleh Tuhan yang mencipta kita iaitu menghukum manusia, tujuan undang-undang adalah untuk membolehkan satu hukuman di turun dijatuhkan ke atas seseorang pesalah selepas dibicarakan dengan adil dan saksama jadi penting bagi kita jangan lupa satu hari nanti ada seorang ayah yang telah melakukan kesalahan kalau betul kita punya keputusan ini ramah kalau tidak maka gejala besar menzalimi seseorang manusia bagi orang yang telah ditahan tanpa bicara saya dapat merasakan bagaimanakah pedihnya ditahan tanpa kita buat yakin tentang kesalahan yang kita lakukan dan saya tiada kesalahan tapi ditahan tanpa berbicara undang-undang ISA, saya bukan nak unkit saya nak ingatkan bahawa derita itu satu yang besar dalam kehidupan saya dan kebebasan itu besar ertiya bagi hidup saya seorang Ahli Dewan Negeri Selangor. Jadi saya nak tegas tujuan apa kita laksanakan. Kita ingat dalam tahun 2015 dewan yang sama ini Tuanku telah bertitah bahawa baginda mahu asas pembangunan kepada pembangunan Negeri Selangor hendaklah didasarkan Maqasid Syariah, Maqasid Syariah adalah tujuan syariah, adalah undang-undang peraturan kalau kita anggap syariah itu untuk Islam sahaja tidak tepat Islam maslahah adalah apa yang membawa masalah manusia itu ada kebaikan bila kita berkata di sini kita nak menegakkan maslahah, apa tujuan kita menegakkan maslahah untuk kebahagian, kesejahteraan, kegembiraan *happiness* apa dia *happiness* itu kita rasa adil berada suasana yang adil untuk rakyat jelata dan untuk orang yang ditahan, melakukan kesalahan mesti ada Rahmah di situ, jadi saya dijelaskan di sini kenapa ini penting kerana Allah berfirman dalam Al-Quran (ayat Al-Quran) "kami jadikan dari air suatu yang hidup segala yang hidup itu dijadikan daripada air, air itu adalah kehidupan, kehidupan itu adalah air" jadi saya dah ulang banyak kali pagi ini sebelum kita jelas bahawa tujuan kita meluluskan undang-undang ini adalah Rahmah, Rahmah bererti melaksanakan (ayat Al-Quran) kita utuskan Muhammad kepada sekalian alam tujuan itu apa dia apa Muhammad ajar, Muhammad telah mengajar jangan lah kamu bolot sumber-sumber alam Allah S.W.T. dalam bentuk bahan-bahan api, air atau pun kawasan ragut. Jadi maknanya kita lihat di sini panduan ini *universal* mana negara-negara yang ada sistem kapitalis yang menguasai kuasa tanah sumber air untung berlipat ganda petroleum punah sebaliknya negara-negara mengadili pemberian air dan kita Selangor kita patut angka kita telah memberi pemberian air percuma dulu dan hari ini dalam bentuk yang baru yang nak kita sejaurnya dalam satu bentuk yang baik. Saya ingin menegaskan di sini bahawa apa yang kita kehendaki supaya tidak ada kezaliman yang kita lakukan sebaliknya kita lakukan Rahmah dengan izin Allah S.W.T. Sekian saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Assalamualaikum dan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan ruang untuk berbahas, pertama sekali saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri dan kakitangan awam yang telah berusaha bertungku lumus dalam melakukan pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor juga terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah meminda Seksyen (79) dan pada kali ini kita dapat pastikan orang yang melakukan kesalahan pencemaran wajib dipenjarakan. Meneliti pindaan enakmen saya mendapati pindaan kini memudahkan para pegawai bagi mentafsir maksud dan definisi dalam Enakmen LUAS, contohnya apabila pindaan Seksyen (44) yang telah meminda Subseksyen (1) dengan memotong perkataan dan di penghujung perenggan (a) mungkin ada yang tidak tahu tetapi hanya kerana sepatah atau pun dua perkataan ini kadangkala berlakunya pendebatan antara pegawai kerajaan semasa mengambil tindakan kerana tidak pasti sama ada tindakan boleh diambil atau pun tidak. Saya sebenarnya juga mempunyai pengalaman yang sama ketika menghadapi isu pencemaran ada kawasan di Bandar Utama di bawah kawasan saya di SS 4 terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab membuang termasuk bahan kimia ke dalam sistem pembetungan melalui saluran-saluran yang senang untuk di *hijack* dengan izin, ketika itu kami telah mengadakan mesyuarat bersepakut dan apabila kami berbincang dengan SPAN kami telah meminta SPAN untuk menggunakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di mana sekiranya disabit hukuman boleh dikenakan RM300,000.00 dan hukuman penjara. Tetapi saya telah dimaklumkan sekiranya kita ingin menyabitkan kesalahan mesti di pastikan pesalah itu ditangkap secara *red-handed* dengan izin. Jadi perkara itu sangat sulit dan sukar untuk dilaksanakan dan saya telah mendapati walaupun mereka mempunyai perundangan atau pun akta seperti ini, sukar untuk mereka menjalankan tindakan dan sehingga kini memang jarang ada pesalah atau pun suspek yang dikenakan hukuman atau pun disabitkan kesalahan.

Jadi, untuk saya merasakan pengalaman saya ini boleh dijadikan sebagai satu moral untuk kisah-kisah pencemaran. Di mana sekiranya kita mengubah apa-apa perundangan, kita juga perlu memastikan bahawa pihak yang berkaitan tidak kiralah SPAIN atau pun di bawah ini, LUAS mampu melakukan operasi penangkapan dengan efisien, efektif dengan penggubalan undang-undang itu mereka mampu menjalankan kerja. Jadi, dari Bandar Utama saya mengharapkan sekiranya perundangan ini telah dipinda pada masa yang sama juga, kita harus memastikan sama ada Kerajaan Negeri mempunyai *resources* atau pun sumber, mempunyai sumber seperti tindakan penguat kuasa yang lengkap yang tegas, bagi menjalankan perundangan yang telah dipinda ini secara efektif dan tegas.

Pihak pejabat saya akhirnya menyelesaikan isu pencemaran itu apabila kami meminta bantuan guaman Chris Lim Siew Ling Evercase and Solicitors daripada pihak syarikat SISCO yang berperanan sebagai pihak konsultan di mana kita

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

memikirkan cara-cara dan pemikiran *out of box* bagi membantu SPAIN untuk menyelesaikan isu ini.

Keduanya saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, selain daripada pindaan bagi tujuan untuk menghukum adakah kita juga boleh melakukan pindaan daripada segi pencegahan. Saya melihat di bawah Seksyen 59(1)(b) di mana tiada seorang pun atau pun pihak penguat kuasa awam kecuali dilesenkan oleh Lembaga di bawah Seksyen ini boleh menjalankan pembuangan kumbah atau bahan pembuangan atau air kembalian secara langsung atau tidak langsung melalui cara-cara buatan ke dalam mana-mana sumber air dan pengairan pantai. Jadi, adakah kita dapat mengatur langkah-langkah pencegahan seperti memberikan atau pindaan terhadap enakmen seperti sekiranya kita mempunyai tangki di bawah Selangor. Tangki itu boleh dibezakan berdasarkan kod warna, di mana kita dapat membezakan jenis *air fluence* yang diangkut dalam tangki supaya senang untuk pihak penguat kuasa menjalankan tugas untuk memastikan dalam tangki itu sama ada *air fluence* kumbahan kimia dan sebagainya. Atau pun sistem penomboran pada tangki kumbahan supaya kenderaan tangki kumbahan senang dikenal pasti oleh pihak berkuasa. Menggubal dasar sistem dengan memastikan kontraktor, penyedia perkhidmatan mematuhi SOP dan pengesahan pematuhan hendaklah diberikan sebelum bayaran dibuat oleh klien. Di sini ingin saya ingatkan pencemaran ini tidak semestinya dilakukan oleh pihak kilang saja. Kadangkala juga oleh kontraktor yang mengangkut tangki kumbahan supaya mereka dapat menyediakan perkhidmatan kepada klien seperti di *shopping mall* dan sebagainya yang menggunakan perkhidmatan mereka.

Juga saya ingin menanyakan kepada Kerajaan Negeri adakah tindakan boleh diambil juga terhadap klien atau pun pelanggan sekiranya mereka tidak menggunakan perkhidmatan tangki kumbahan daripada pihak yang mempunyai lesen. Contohnya macam seperti yang saya katakan seperti *shopping mall* dan sebagainya. Kerana saya rasakan kita memang boleh memperkuatkan sistem perundangan bagi menghukum penjenayah atau pun suspek yang telah melakukan perbuatan khianat seperti ini. Tetapi selalunya mencegah adalah lebih baik daripada menghukum, jadi saya juga ingin mengetahui daripada pihak Kerajaan Negeri, adakah terdapat sebarang perancangan untuk meminda enakmen ini daripada segi untuk mencegah. Dan saya juga berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah akhirnya meminda enakmen ini selepas berpuluhan tahun yang seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar sejak tahun 1999. Dan saya rasakan kita seharusnya lebih kerap dalam melakukan pemindaan seperti ini kerana setiap tahun akan adanya perkara baru yang berlaku, adanya kes atau pun isu yang baru. Jadi setiap kali seperti yang dikatakan juga biasanya pegawai kerajaan kita, kita sangat patuh kepada enakmen dan kita biasanya akan patuh bulat-bulat terhadap apa segala jenis perkataan, *sentence* dengan izin yang ditulis dalam perundangan ini. Jadi saya juga mengharapkan selepas ini pindaan dapat dilakukan dengan lebih kerap.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Walau bagaimanapun, saya mewakili Bandar Utama memang amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah melakukan usaha pindaan perundangan ini dan dengan itu saya ingin menyokong sepenuhnya, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan cadangan pindaan Rang-rang Undang-undang Enakmen Lembaga Urus Air Selangor untuk tahun 2020 bersama-sama dengan Kerajaan Negeri bertungkus-lumus bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul dengan kerap pada tahun ini, itu masalah terputus bekalan air yang disebabkan oleh pencemaran-pencemaran yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang kita semua sedia maklum, negara kita ini banyak undang-undang, pelbagai jenis undang-undang, pelbagai jenis peraturan. Kita ini negara hukum, tetapi adakah kita berjaya menguatkuaskan undang-undang tersebut, itulah yang perlu kita tanya. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Utama berkenaan dengan selain daripada kita menghukum, adakah kita fikirkan bagaimana untuk kita mencegahnya daripada awal. Sebab bila hendak menghukum ini, dia dah peringkat paling hujung, tetapi bagaimana kita hendak memastikan supaya perkara-perkara pencemaran ini tidak berlaku daripada awal. Kita kena mengenal pasti punca-punca kenapa ianya berlaku. Daripada kita hendak menghukum mereka yang hendak atau pun yang telah berbuat salah.

Dan selepas itu kita akan melalui pelbagai proses undang-undang sebelum kita berjaya menghukum mereka yang kita rasakan mungkin bersalah, mungkin tidak bersalah. Kalau mereka mendapat peguam yang handal, sudah tentu dia lepas apabila di peringkat mahkamah. Seperti Yang Berhormat Hulu Kelang katakan tadi, mereka yang ditangkap juga berhak untuk mempertahankan diri mereka. Sudah tentu mereka juga akan memberikan pelbagai alasan dan jawapan semasa mereka dihadapkan ke mahkamah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tertarik dengan muka surat 41, nombor 8 Enakmen Ibu dipinda dengan memasukkan selepas Seksyen 99, Seksyen yang berikut. Dia punya ayat daripada 99 1, 2, 3, 4 itu semua Pengarah atau Pegawai yang diberi kuasa olehnya. Pengarah atau Pegawai yang diberi kuasa olehnya atau mana-mana Pegawai Polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh tanpa Waran menyita. So, maknanya kita memerlukan anggota atau memerlukan penguatan kuasa atau memerlukan siapa-siapa saja yang diberikan kuasa untuk menjalankan kerja-kerja penguatan kuasa ini. Jadi apa yang penting, apabila kerja-kerja penguatan kuasa ini hendak dijalankan, hendak dilaksanakan, tanggungjawab dengan penuh integriti itulah yang paling penting. Kita dikejutkan pada tahun ini, apa yang

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

berlaku di Negeri Selangor yang mengemparkan satu negara, penguatkuasaan di Majlis Bandar raya Shah Alam, kita dikejutkan dengan isu viral. Dan kemudian amat memeranjatkan apabila hasil-hasil siasatan yang sedang dijalankan, itu pun belum tentu salah atau pun tidak tetapi hasil-hasil siasatan yang dibuat oleh Pihak SPRM itu menjurus memalui bacaan berita yang kita baca, melalui pembentangan yang dibuat secara ringkas oleh pihak SPRM kepada pihak Jawatankuasa. Pihak Berkuasa Tempatan, Dewan Negeri Selangor, amat mengejutkan, saya sebagai Adun amat mengejutkan. Pengalaman saya sebagai Ahli Majlis Perbandaran Klang selama 6 tahun, juga amat mengejutkan apa yang berlaku di MBSA. Dan saya harap ini tidak berlaku di mana-mana PBT yang ada di dalam Negeri Selangor ini.

Jadi, apa isu yang kita kena bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Taman Templer ialah isu integriti. Maknanya pegawai-pegawai penguat kuasa yang diberikan amanah dan tanggungjawab ini perlu mempunyai integriti yang tinggi. Perlu memastikan penguatkuasaan itu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Dan pastikan mereka yang bersalah ini tertangkap. Jangan ada kira-kira di belakangnya, jangan ada perkara-perkara yang mencurigakan. Saya tak hendak sebut, tapi termasuklah orang-orang politik, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Meru. Maknanya kita kena sedarlah kalau kita tidak selesaikan isu ini sekarang, apakah akan jadi pada masa akan datang? Apakah yang kita hendak wariskan kepada generasi yang akan datang, apakah kita hendak wariskan alam sekitar yang tidak selamat kepada generasi yang akan datang, disebabkan kelemahan kita pada hari ini. Terutama sekali tentang isu penguatkuasaan, kalau betullah, negara kita ini penguat kuasanya menjalankan undang-undang dengan betul, dengan jujur, dengan amanah, dengan penuh integriti tidaklah warga asing bolos melalui pintu-pintu masuk negara. Tidak adalah masalah kilang haram, tidak adalah masalah pembakaran secara terbuka, tidak adalah masalah pencemaran-pencemaran ini semua, kalau daripada awal kita berjaya mengatasi masalah ini dengan mengenal pasti apakah puncanya yang sebenar. Sebab itu kita kena tekankan juga pada hari ini ialah tentang bagaimana kita hendak mencegah perkara ini daripada berlaku.

Kalau sudah berlaku, hendak tangkap memang susah dan memang sukar untuk kita hadapkan mereka ke mahkamah, sebab prosesnya panjang. Pengalaman saya sendiri sebagai Ahli Majlis ini memang, Klang pun banyak kes-kes yang kita tidak boleh hendak menang di mahkamah. Sebab bukti kurang, lepas itu apa lagi kelemahan kita penguat kuasa-penguat kuasa kita tidak diberikan latihan yang secukupnya bagaimana hendak baca akta, bagaimana hendak baca enakmen. Sebab itu Kerajaan Negeri perlu memikirkan apakah jenis latihan berterusan yang perlu diberikan kepada penguat kuasa-penguat kuasa kita. Bagaimana hendak menyita, bagaimana hendak menghantar waran, bagaimana hendak menyiasat, apa yang perlu disiasat, baru boleh lengkapkan kertas siasatan, barulah boleh didakwa.

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)

Kalau tidak nanti hantar ke pejabat Peguam Negara, kes masih lemah, siasatan tidak mencukupi dan kemudian

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Boleh bagi laluan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Ok, terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Saya tertarik dengan *point* Yang Berhormat Pelabuhan Klang bangkitkan berkenaan integriti dan saya percaya integriti ini termasuklah *discretion* atau pun budi bicara oleh sesuatu pihak yang diberikan kuasa. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Pelabuhan Klang berkenaan dengan pindaan Seksyen 112, yang memberikan kuasa sepenuhnya kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah enakmen ini untuk mengemukakan kompaun dengan kelulusan pihak pendakwa raya. Jadi bagaimana isu integriti dan juga penilaian *discretion* Pengarah atau pun mana-mana pegawai ini menentukan sesuatu kesalahan itu, hendak ditawarkan kompaun atau pun tidak, saya mohon pandangan Yang Berhormat Pelabuhan Klang, terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Panjang. Sebab itu saya nyatakan tadi apa jua penguatkuasaan yang kita hendak jalankan ini, Pengarah-pengarah atau pun anggota penguat kuasa itu perlu diberikan latihan dan taklimat yang sejelas-jelasnya. Bagaimana hendak menggunakan kuasa-kuasa yang mereka ada tanpa melebihi batas yang sepatutnya. Dan apakah jenis toleransi atau pun perbincangan yang boleh dilakukan seperti kesalahan pertama, kesalahan kedua, kesalahan ketiga. So, mesti ada berbalik-balik juga kepada integriti, maknanya hendak buat dengan niat betul-betul, hendak menyelesaikan masalah tersebut atau pun ada niat di sebaliknya, apabila menjalankan operasi penguatkuasaan. Jadi saya harap sekali lagi ya ...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sila duduk. Masih Pelabuhan Klang, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nasihatkan ya, ini hujung minggu ini kalau tidak ada apa-apa aktiviti yang penting, kurangkan ya kerana kita masih dalam PKPB dan SOP dalam persidangan. Kurangkan ya, kurangkan aktiviti kerana kita perlu bersidang lagi, saya mohon kerjasama lagi daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau perlu sangat jagalah SOP dengan baik ya. Ini nasihat daripada saya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 4:30 petang, dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Isnin, 9 November 2020 jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)

06 NOVEMBER 2020 (JUMAAT)